

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY
ANNUAL REPORT 2009

LAPORAN TAHUNAN 2009

Mengorak Langkah Membina
Masyarakat Malaysia Yang Berintegriti



“Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia” “Enculturation of Integrity in Malaysian Society”

Kandungan *Contents*

Notis Mesyuarat Agung Tahunan <i>Notice Of Annual General Meeting</i>	2
Ikrar Integriti Malaysia <i>Malaysia's Integrity Pledge</i>	3
Perutusan Pengerusi <i>Message From The Chairman</i>	4
Laporan Presiden <i>Report From The President</i>	6
Maklumat Korporat <i>Corporate Information</i>	9
Laporan Aktiviti 2009 <i>Report On Activities For 2009</i>	19
Pusat Sumber Bestari <i>Bestari Resource Centre</i>	81
Kemudahan Di Institut Integriti Malaysia <i>Facilities At The Malaysian Institute Of Integrity</i>	85
Laporan Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009 <i>Reports And Financial Statements For The Financial Year Ended 31 December 2009</i>	87

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia yang keenam akan diadakan di Auditorium Integriti, Aras 2 Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia, pada hari Jumaat, 4 Jun 2010, jam 5.00 petang bagi tujuan-tujuan berikut:-

AGENDA

1. Untuk membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia yang kelima yang telah diadakan pada 15 Mei 2009.
2. Untuk menerima dan meluluskan laporan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009 bersama dengan Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit.
3. Untuk meluluskan pembayaran elauan Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.
4. Untuk melantik semula Y.Bhg Profesor Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Lembaga Pengarah yang akan bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 dan oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.
5. Untuk melantik semula Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) sebagai Juruaudit Institut dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran khidmat mereka.
6. Untuk melaksanakan lain-lain urusan.

Dengan Perintah Lembaga,

AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK (MIA No:21637)
Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
26 April 2010

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Sixth Annual General Meeting of Institut Integriti Malaysia will be held at Auditorium Integriti, Level 2 Menara Integriti, Persiaran Duta, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia, on Friday, 4 June 2010 at 5.00 p.m for the following purposes:-

AGENDA

1. *To present and approve minutes of the Fifth Annual General Meeting of Institut Integriti Malaysia which was held on 15 May 2009.*
2. *To accept and adopt the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2009 together with the Reports of the Directors and Auditors.*
3. *To approve the payment of Directors' allowances for the financial year ended 31 December 2009.*
4. *To re-elect Y.Bhg Profesor Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim, the Director who will retire in accordance with Section 129 of the Companies Act, 1965 and being eligible, offers himself for re-election.*
5. *To re-appoint Messrs. Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration.*
6. *To transact any other business.*

By Order of the Board,

AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK (MIA No:21637)
Company Secretary
Kuala Lumpur
26 April 2010

IKRAR INTEGRITI MALAYSIA

MALAYSIA'S INTEGRITY PLEDGE



Kami, rakyat Malaysia yang merdeka dan berwawasan, dengan tulus dan suci hati berikrar, memantap dan memperkuuhkan maruah dan integriti kami, keluarga dan masyarakat, agama, bangsa dan negara kami.

Ke arah itu, kami berikrar:

- Mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang;
- Mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- Mempertingkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan tidak berintegriti;
- Menyokong dan bekerjasama bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggugat integriti masyarakat dan negara; dan
- Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.

We, the free and visionary citizens of Malaysia, do sincerely and in good faith, pledge to remain steadfast to and strengthen the integrity and the dignity of ourselves, family, society, religion, race and nation.

Towards that, we pledge:

- *To fully obey the Federal Constitution and laws;*
- *To fully obey and practice the principles of the Rukun Negara;*
- *To boost integrity by applying pure and ethical values;*
- *To cooperate fully with any party towards preventing criminal acts, misconduct and acts without integrity;*
- *To support and cooperate in taking firm action against those who threaten the integrity of society and the nation; and*
- *To inculcate integrity as a way of life individually and collectively.*

PERUTUSAN PENGERUSI

MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pada tahun 2009, Pelan Integriti Nasional (PIN) telah menjangkau usia enam tahun sejak pelancarannya pada 23 April 2004. Fasa lima tahun pertama perlaksanaan PIN telah menunjukkan banyak tanda-tanda positif bahawa Agenda Integriti Nasional telah mendapat sokongan pelbagai lapisan masyarakat. TEKAD INTEGRITI, yang merupakan kesinambungan TEKAD 2008, terus menjadi tunjang kepada Agenda Integriti Nasional.

Tekad Integriti yang menggembung usaha ke arah menghapuskan rasuah; mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam; memperkasakan tadbir urus dan etika perniagaan; memantapkan institusi keluarga dan masyarakat; serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat telah mendapat perhatian dan semakin difahami oleh rakyat. Oleh itu, usaha yang lebih bersepada akan diteruskan bagi memastikan semua pihak dan golongan akan mendapat manfaat dan kebaikan daripada inisiatif kerajaan ini.

Kini Agenda Integriti Nasional telah diperkasakan lagi dengan inisiatif Program Transformasi Kerajaan dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang boleh disifatkan sebagai saling menyokong dan melengkapi. Enam bidang inisiatif NKRA yang meliputi usaha mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, menyediakan pendidikan berkualiti, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, menambah baik infrastruktur asas luar bandar dan kemudahan pengangkutan awam bandar merupakan perkara-perkara asas yang menjadi keperluan dan perhitungan utama rakyat dalam menentukan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. Ini merupakan fokus kerajaan bagi menentukan usaha mempertingkatkan perpaduan, perkhidmatan yang mendahulukan rakyat dan penghasilan kerja yang diutamakan. Saya berpendapat kejayaan pelbagai inisiatif baru oleh kerajaan akan menjadi lebih bermakna jika prinsip nilai, etika dan integriti terus menjadi tunjang dan landasan perlaksanaannya.

Saya yakin senario, perkembangan dan kestabilan yang wujud di negara ini akan terus memberikan ruang dan peluang untuk semua pihak membantu

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Greetings

In 2009, the National Integrity Plan (NIP) reached six years of age from the date of its launch on the 23rd of April 2004. The first five year phase of the implementation of the NIP showed many positive signs of the National Integrity Agenda receiving the support of the various levels of society.

The INTEGRITY TARGETS, a progression of TARGET 2008, continue to be the backbone of the National Integrity Agenda. The Integrity Targets that combine all efforts towards reducing the scourge of corruption; improving the service delivery system; strengthening corporate governance and business ethics; fortifying the community and family institutions; and improving the quality of life and well-being of society have been well received and understood by the people. Consequently, more consolidated endeavours will be continued to ensure that all parties and groups will obtain more benefits and advantages from this government initiative.

The National Integrity Agenda has been given a boost by the Government Transformation Programme initiative, with its National Key Result Areas (NKRA) which are considered to be supportive and complementary. The six NKRA initiative areas covering efforts to reduce crime, fight corruption, provide a quality education, increase the lower income groups' standard of living, improve the basic infrastructure of rural areas and urban public transportation facilities reflect the needs and main concerns of the people in determining the efficiency and effectiveness of the government delivery system. These are the government's focus areas in ensuring that efforts to enhance unity and provide services that put people and performance first are given the utmost priority. I believe that the success of the various new government initiatives will be even more meaningful if values, ethics and integrity principles continue to be the backbone and bedrock of implementation.

I am also confident that the scenario, development and stability existing in the nation will provide space and opportunities for all parties to assist in strengthening and acculturating the integrity agenda in all levels of society more effectively.

memperkasakan dan membudayakan agenda integriti dalam semua lapisan masyarakat dengan lebih berkesan. Kerjasama yang jujur dan ikhlas daripada semua pihak disertai dengan kesedaran dan semangat integriti yang tinggi akan membawa hasil yang diharapkan, Insya Allah.

Akhir kata saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-Ahli IIM, pihak Pengurusan dan warga kerja IIM serta rakan-rakan integriti IIM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan PIN dan Agenda Integriti Nasional. Semoga segala usaha dalam membudayakan integriti di kalangan rakyat Malaysia akan memperoleh kejayaan.

The heartfelt and sincere cooperation from all parties, together with a high level of the integrity spirit and awareness will lead to the desired results, Insya Allah.

I would like to take this opportunity to convey my appreciation and gratitude to the Board of Directors, IIM members, the IIM Management and IIM staff together with IIM's Integrity Partners where directly or indirectly involved in ensuring the successful implementation of the NIP and the National Integrity Agenda. May all efforts to acculturate integrity in the Malaysian society be met with success.



TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN

LAPORAN PRESIDEN

PRESIDENT'S STATEMENT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Walaupun Pelan Integriti Nasional (PIN) baru menjangkau usia enam tahun pada tahun 2009, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan dan penghayatan integriti pada umumnya telah meningkat. Pelbagai pihak telah tampil memberikan sokongan dan kerjasama dalam memperkasakan Agenda Integriti Nasional. Perkembangan ini merupakan suatu fenomena yang baik ke arah pembudayaan integriti di kalangan masyarakat Malaysia.

Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, IIM terus komited melaksanakan program-program yang telah dirancang ke arah mencapai matlamat TEKAD INTEGRITI sebagaimana telah ditetapkan. Sumber tenaga akan digembleng secara strategik dan perkongsian pintar akan dilaksanakan bagi melunaskan lima sasaran TEKAD INTEGRITI iaitu: mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan berkesan; mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi kerenah birokrasi; meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan; memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Perlaksanaan agenda integriti akan meneruskan perhatian kepada lapan sektor masyarakat yang menjadi sasaran iaitu institusi keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran. Kesemua institusi tersebut merupakan aset penting yang membentuk kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dan majmuk dengan pelbagai agama dan budaya. Namun begitu, bukanlah mustahil untuk mencapai konsep "Bersatu dalam Kepelbagaian" (Unity in Diversity)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Greetings

Even as the National Integrity Plan (NIP) turned just six years old in 2009, society's awareness towards the importance and appreciation of integrity has increased in general. Various quarters have come forward to provide support and cooperation in strengthening the National Integrity Agenda. This development is a positive phenomenon in the enculturation of integrity in the Malaysian society.

IIM, in carrying out responsibilities that have been entrusted to it, is continuously committed to implementing programmes that were planned to achieve the established goals of INTEGRITY TARGETS. All resources will be strategically combined and shared in a smart partnership to attain the five INTEGRITY TARGETS which are: Effectively reducing the scourge of corruption, breach of trust and abuse of power; improving the service delivery system and overcoming bureaucracy; improving corporate governance and business ethics; strengthening the community and family institutions; improving the quality of life and the well-being of society.

The implementation of the integrity agenda will continue to focus on eight target sectors of the society which are the family, community, civil society, sociocultural, religious economic, political and administrative institutions. All these institutions are important assets towards the creation of a Malaysia possessing a unique, plural society with various cultures and religions. It is not impossible to achieve the concept of "Unity in Diversity" in the context of 1Malaysia if all parties possess the awareness and hold good values, ethics and integrity as principles and applications for life.

dalam konteks 1Malaysia sekiranya semua pihak memiliki kesedaran serta menjadikan nilai-nilai murni, etika dan integriti sebagai prinsip dan penghayatan dalam kehidupan.

Dewasa ini, pelbagai insiden yang mencemarkan institusi keluarga dan komuniti seperti masalah rumah tangga, isu pembuangan bayi dan gejala sosial yang lain telah menimbulkan keimbangan kepada masyarakat. Saya percaya para pelaku dan mereka yang terlibat dalam kes seumpama ini telah kehilangan adab dan integriti dalam diri masing-masing. Oleh yang demikian, dalam menangani isu-isu seumpama ini, membudayakan integriti dan akhlak yang mulia dalam institusi keluarga dan komuniti adalah penyelesaian pantas lagi komprehensif.

Setelah mengambil kira pelbagai pertimbangan dan kebijaksanaan, keutamaan selanjutnya di dalam program pembudayaan integriti diberikan kepada golongan muda. Generasi muda yang terdiri daripada pelajar, mahasiswa dan belia merupakan golongan pelapis kepada kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, program mengolah dan membentuk generasi muda mengikut acuan negara perlu diberi keutamaan. Disinilah prinsip-prinsip PIN perlu penghayatan dan menjadi panduan.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, IIM akan terus terlibat dan menyumbang kepada bidang-bidang yang berkaitan termasuk penerbitan dan kajian. Penerbitan IIM telah tersebar di seluruh pelusuk negara dan menjadi bahan bacaan masyarakat. Manakala kajian berimpak tinggi pula akan diteruskan dari masa ke semasa sebagai input kepada pihak berkepentingan bagi tujuan

Lately, many incidents which smear the family and community institutions, such as marital strife, baby dumping and other social ills have given rise to concerns in our society. I believe that those who commit such actions and those involved in such cases have lost their integrity and sense of decency. Consequently, to handle such issues, the enculturation of integrity and morality in the family and community is the immediate and comprehensive solution.

After taking into account various considerations and wisdoms, the younger generation is chosen as the next priority of the enculturation of integrity programme. The younger generation, consisting of students, graduates and youth are the future successors to the nation's leadership. Consequently, the programme to restructure and shape the younger generation according to the nation's mould must be given precedence. This is where the principles of the NIP have to be appreciated and serve as guidelines.

In the course of carrying out its duties and responsibilities, IIM will carry on participating and contributing to the related fields, including research and publication. IIM's publications have been disseminated throughout the nation and become additional sources of reading material for society. High impact studies will also continue from time to time as input for stakeholders to enable them to conduct their planning and frame policies related to values, ethics and integrity. Meanwhile, the network of communication between public and private agencies and also international agencies will remain as a venue for sharing experiences while strengthening the concept of Integrity Partners.

LAPORAN PRESIDEN

PRESIDENT'S STATEMENT

merancang dan merangka dasar berkaitan dengan aspek nilai, etika dan integriti. Sementara itu, jalinan hubungan di antara agensi awam dan swasta serta agensi antarabangsa akan diteruskan sebagai wadah perkongsian pengalaman di samping mengukuhkan konsep Rakan Integriti.

Dengan mengambil kesempatan ini, bagi pihak Pengurusan IIM, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga IIM, Ahli-Ahli IIM, Rakan-Rakan Integriti dan semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan agenda integriti ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada kepimpinan negara yang terus memberikan inspirasi ke arah pembudayaan integriti dalam kalangan masyarakat serta menjadikan integriti sebagai satu daripada agenda utama negara. Semoga agenda penting yang disertai usaha gigih pelbagai pihak ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera, InsyaAllah.

I would like to take this opportunity on behalf of the IIM Management to record my appreciation and thanks to the IIM Chairman and Board of Directors, IIM members, Integrity Partners and all other parties who have given their support in making the integrity agenda a success. The highest acknowledgement is also directed at the country's leadership which continues to provide inspiration for the enculturation of integrity in society and putting integrity as one of the main national agendas. May this important agenda, supported by the untiring efforts of various parties, make Malaysia a peaceful, prosperous and blessed nation, InsyaAllah.



DATUK DR. MOHD TAP SALLEH



MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

“Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia”
“Enculturation of Integrity In Malaysian Society”

PERNYATAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY STATEMENT

Institut Integriti Malaysia telah memperakarkan agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (“Corporate Social Responsibility – CSR”) sejak awal penubuhannya pada tahun 2004 selaras dengan sasaran Tekad Integriti yang dibangunkan di dalam Pelan Integriti Nasional(PIN). Pernyataan CSR IIM diperakarkan oleh PIN dengan IIM berperanan sebagai peneraju dan pemangkin usaha-usaha:

“...Pemantapan integriti sektor korporat dan peningkatan komitmen terhadap pertanggungjawaban sosial” (PIN, m.s.109)

Kerangka kerja CSR bagi sektor korporat Malaysia telah dibangunkan secara terancang oleh badan-badan kawalselia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu garis panduan meliputi pemeliharaan alam sekitar, pembangunan komuniti setempat, kepentingan kebijakan pekerja di tempat kerja dan operasi pasaran yang beretika. IIM telah melibatkan diri secara langsung dengan badan-badan kawalselia ini melalui penyertaan projek-projek usahasama dan promosi sokongan seperti *Bursa Malaysia CSR Framework*, *SSM Corporate Responsibility Agenda* dan *SC-Institute of Corporate Responsibility Awards*.

Strategi teras dan usaha-usaha IIM keseluruhananya menjurus kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh. Pemantapan nilai-nilai murni dan integriti dalam segenap lapisan masyarakat secara berterusan merupakan sasaran matlamat pembangunan kerajaan jangka panjang. IIM melaksana program integriti alam sekitar dan modal sumber manusia (environmental and human capital) di peringkat nasional seperti Forum Alam Sekitar dan projek tahunan CSR Rebung bagi pemimpin-pemimpin pelajar sekolah menengah. Ini bagi memberikan contoh teladan dan menimbulkan impak awal (demonstrative effect) supaya pihak-pihak lain yang berkepentingan akan turut sama melaksanakan agenda CSR masing-masing secara terancang.

Di dalam operasi harian dan tadbir urus IIM, semua warga IIM diajar mengamalkan budaya kitar semula (3R – Reduce, Reuse, Recycle) secara mengurangkan penggunaan plastik di pejabat, penggunaan semula

The Malaysian Institute of Integrity declared its Corporate Social Responsibility agenda at its inception in accordance with the goals of the Integrity Targets stated in the National Integrity Plan (NIP). IIM's CSR statement was endorsed by the NIP with IIM leading and acting as a catalyst for the efforts:

“...Strengthening the integrity of the corporate sector and increasing commitment towards social responsibility” (NIP, page 109)

Bursa Malaysia's CSR framework for the Malaysian corporate sector was carefully planned and developed by regulatory bodies such as the Securities Commission, Bursa Malaysia itself and the Companies Commission of Malaysia as ethical guidelines for environmental conservation, development of the local community, employee welfare at the workplace and market operations. IIM is directly involved with these regulatory bodies through its participation in joint projects and by promotion of collaborations such as the Bursa Malaysia CSR Framework, CCM Corporate Responsibility Agenda and SC-Institute of Corporate Responsibility Awards.

The core strategy and combined efforts of IIM focus towards overall improvements in the quality of life and well-being of society. Strengthening good values and integrity within all levels of society on a continual basis is the goal of the government's long-term development targets. IIM organises environmental and human capital integrity programmes at the national level, such as the Forum on the Environment and the yearly CSR Rebung projects for secondary school student leaders. These projects serve as examples and create an initial impact and demonstrative effect that spur other stakeholders to implement their own carefully crafted CSR agendas.





kertas terpakai dan penjimatan penggunaan hawa dingin, elektrik dan air sepanjang waktu pejabat. Program pendidikan alam sekitar secara usahasama dengan semua pihak berkaitan seperti FRIM, MNS dan Jabatan Alam Sekitar diteruskan dengan penerbitan risalah dan sebaran am bahan media mengenai kepentingan pemuliharaan integriti alam sekitar.

IIM mengharapkan program-program pendidikan seperti ini dapat membantu mendidik masyarakat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan semua. IIM merancang program-program dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk sektor awam, swasta dan masyarakat sivil untuk berbakti kepada komuniti setempat yang terpilih melalui inisiatif CSR yang sesuai dan berkesan. Projek tahunan Jelajah Integriti IIM yang melibatkan keseluruhan warga IIM dan Rakan-rakan Integriti adalah satu contoh usaha CSR yang terancang dan memfokuskan kepada masyarakat terpinggir Orang Asli di kawasan pedalaman. Begitu juga program IIM bersama masyarakat Orang Kurang Upaya (OKU), pesalah juvana dan anak-anak yatim yang dilaksanakan secara bersama dengan rangkaian para peserta kursus IIM yang melibatkan profesional muda, pemimpin masyarakat peringkat kampung dan penjawat awam. Usaha membawa perkhidmatan Kerajaan dan menyebarkan bahan pendidikan nilai murni dan integriti kepada kumpulan seumpama ini meningkatkan tahap komitmen warga IIM dan pihak-pihak berkaitan secara sukarela terhadap kelangsungan (sustainability) dan impak langsung (consequential impact) usaha-usaha CSR yang dipelopori IIM sekian lama ini.

In the course of IIM's daily operations and governance, the IIM community is encouraged to practise the recycling culture (3R-Reduce, Reuse, Recycle) by reducing the use of plastic in the office, reusing paper and reducing the use of air conditioning, water and electricity consumption during office hours. Collaborative environmental education programmes with relevant parties such as the FRIM, MNS and the Department of Environment were continued with the publication of leaflets and Public Service Announcements on the importance of preserving environmental integrity.

IIM hopes that these educational programmes will assist in educating the public on environmental conservation and preservation for the well-being of all. IIM plans programmes with various stakeholders including the public and private sectors and civil society for them to give back to selected local communities through suitable and effective CSR initiatives. The yearly Jelajah Integriti IIM project which involves the entire IIM family and its Integrity Partners is an example of a planned CSR effort which focuses on the sidelined Orang Asli communities in the interiors. Other examples are the Institute's programmes for the disabled, juvenile offenders and orphans conducted together with IIM's network of course participants who include young professionals, village level community leaders and public officers. Efforts to bring government services and disseminate educational material on good values and integrity to these groups voluntarily increases the commitment levels of IIM staff and relevant parties towards the sustainability and consequential impact of CSR efforts advocated by IIM all the while.

FALSAFAH, VISI DAN MISI

PHILOSOPHY, VISION AND MISSION

FALSAFAH

Falsafah IIM adalah untuk meningkatkan integriti sebagai suatu cara hidup rakyat Malaysia melalui amalan prinsip-prinsip etika. Pendekatan falsafah ini akan melibatkan seluruh rakyat Malaysia merangkumi sektor awam, sektor swasta, parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum.

VISI

Visi IIM selaras dengan Cabaran Keempat Wawasan 2020 iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.”

MISI

Misi IIM ialah untuk melaksanakan objektif, strategi dan program peningkatan etika dan integriti warga Malaysia dalam semua aspek kehidupan.



Integriti

“Sememangnya, transformasi ke arah menjadi masyarakat maju bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi juga kemajuan dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani. Fokus terpenting bagi pembangunan sedemikian ialah peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu menjadi budaya masyarakat. Ringkasnya, tanpa integriti maka segalanya tidak akan bermakna.”

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK

PERDANA MENTERI MALAYSIA

PHILOSOPHY

The philosophy of IIM is to promote integrity as a way of life among Malaysians through the practice of ethical principles. This approach involves Malaysians at all levels including the public sector, private sector, political parties, non-governmental organizations as well as the public.

VISION

The vision of IIM is aligned to the Fourth Challenge of Vision 2020 that is “to shape a society that is firmly based on moral principles and ethics imbued with sound religious and spiritual values, which are attested by good manners .”

MISSION

The mission of IIM is to implement its objectives, strategies and programmes in enhancing integrity and ethics among Malaysians in all aspects of life.

Integrity

“It is undeniable that the transformation towards becoming a developed society is not purely on economic and technological progress, but also on progress in social, cultural, intellectual and spiritual development. The most important focus for such development is the enhancement and strengthening of ethics and integrity which must be the culture of society. In a nutshell, without integrity, nothing will matter”.

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK

PRIME MINISTER OF MALAYSIA

OBJEKTIF DAN FUNGSI

OBJECTIVES AND FUNCTIONS

Objektif utama IIM adalah untuk menjadi jentera pelaksana Pelan Integriti Nasional (PIN) ke arah membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berdaya tahan dan menghayati nilai-nilai integriti dan etika.

Objektif khusus IIM adalah:

- a. Mengendalikan penyelidikan berkaitan dengan integriti institusi dan masyarakat;
- b. Menganjurkan persidangan, seminar dan forum;
- c. Menghimpun pendapat pelbagai sektor mengenai kemajuan atau halangan kepada pelaksanaan integriti;
- d. Menerbit dan mengedarkan bahan-bahan bercetak, menggubal pelaksanaan program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti;
- e. Mengemukakan perakuan-perakuan dasar bagi meningkatkan integriti dan etika;
- f. Membangunkan pangkalan data mengenai integriti dan etika;
- g. Memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan mengenai program-program dan strategi-strategi bagi meningkatkan integriti; dan
- h. Mewujudkan jaringan dengan organisasi-organisasi antarabangsa bagi membolehkan peranan dan sumbangan IIM diiktiraf di peringkat antarabangsa.

The main objective of IIM is to act as a machinery in the implementation of the National Integrity Plan (NIP) towards developing a nation that is of high integrity, resilient and that embraces universal good values.

The specific objectives of IIM are:

- a. *To conduct research related to integrity of institution and that of the community;*
- b. *To organize conference, seminars and forum;*
- c. *To elicit opinions from various sectors on the progress made or on the obstacles faced in implementing integrity;*
- d. *To publish and circulate printed materials as well as formulating and implementing training and educational programmes;*
- e. *To recommend new policies for the enhancement of integrity and ethics;*
- f. *To develop database on integrity and ethics;*
- g. *To advise the Government on strategies and programmes in enhancing integrity; and*
- h. *To establish networking with international organizations.*

AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



1. **Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan**
Pengerusi, IIM dan Ketua Setiausaha Negara
2. **Datuk Dr. Mohd Tap Salleh**
Presiden, IIM
3. **Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady**
Felo Kehormat, Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Malaysia (ISTAC)

4. **Profesor Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim**
Pensyarah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya
5. **Dr. Chandra Muzaffar (Duduk di hadapan)**
Presiden, 'International Movement for Just World'
6. **Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo**
Pengerusi, Sego Holding Sdn Bhd



- 7. Tan Sri Abdul Gani Patail**
Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara
- 8. Azmiah Abdul Razak (Duduk dihadapan)**
Setiausaha Syarikat
- 9. Datuk Normah Md Yusof**
Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

- 10. Tan Sri Zarinah Anwar**
Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- 11. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang**
Ketua Audit Negara
- 12. Dato' Sri Haji Ahmad Said Hamdan**
Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

PENGURUSAN ATASAN

SENIOR MANAGEMENT



1. Datuk Dr. Mohd Tap Salleh

Presiden
President

2. Tuan Haji Mustafar Haji Ali

Timbalan Presiden
Deputy President

3. Mohd Nizam Mohd Ali

Pengarah Sektor Swasta
Director of Private Sector

4. Mark Noel Bonchol

Pengarah Sektor Politik
Director of Political Sector

5. Dr. Adanan Mat Junoh


Pengarah Sektor Sosiobudaya
Director of Socio-cultural Sector

6. Mohammad Diah Hj. Wahari

Pengarah Sektor Awam
Director of Public Sector

STRUKTUR ORGANISASI

ORGANISATION STRUCTURE



SENARAI AHLI IIM

LIST OF IIM MEMBERS

1. Dato' Haji A.Aziz bin Deraman	28. Mohd Salihin bin Othman
2. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Khalid bin Sahan	29. Profesor Dato' Mohd Shukri bin Ab.Yajid
3. Afifah binti Abu Bakar	30. Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd Wahid
4. Dato' Aidit bin Ghazali	31. Tuan Haji Mohd Yasin bin Hamzah
5. Datin Aminah binti Pit Abd Rahman	32. Tan Sri Mohd Yusof bin Hitam
6. Dato' Anthony Reynolds Peter	33. Profesor Dr. Mohd Yusof bin Haji Othman
7. Chan Wen Li	34. Dato' Haji Mustafa bin Ali
8. David Sim Huay Chuang	35. Mustafa Kamil bin Ayub
9. Che Faridah binti Khalid	36. Datuk Haji Nordin bin Abdul Hamid
10. Habibah binti Haji Abd. Manaf	37. Dato' Nik Zainiah binti Nik Abd Rahman
11. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan	38. P. Kanason a/l Pothinker
12. Profesor Dato' Dr. Hussein bin Haji Ahmad	39. Datuk P.Venugopal a/l Menon
13. Profesor Datuk Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid	40. Profesor Dr. Rahimah binti Abd. Aziz
14. Y.B Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Samsuddin	41. Datuk Dr. Rosti Saruwono
15. Datuk Johan bin Jaaffar	42. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh
16. Josie M. Fernandez	43. Dato' Shafee bin Yahaya
17. Dato' Dr. Low Bin Tick	44. Dato' Siva Subramaniam
18. Profesor Dr. Mahmood bin Nazar Mohamed	45. Dato' Syed Amin Aljeffri
19. Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Ab Majid	46. Y.B Dr. Tan Seng Giaw
20. Maliha binti Yahya	47. V T Nathan
21. Dato' Marimuthu Nadason	48. Tan Sri Yong Poh Kon
22. Tuan Haji Md Jafar bin Abdul Carrim	49. Dato' Yusli bin Mohamed Yusoff
23. Tan Sri Megat Najmuddin bin Megat Khas	50. Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed
24. Michael Chiam Tow Hui	51. Zainal Abidin bin Pit
25. Dato' Mohamad Salleh bin Rafie	52. Tan Sri Datuk Paduka Seri Hajjah Zaleha binti Ismail
26. Datuk Seri Panglima Mohd Annuar bin Zaini	
27. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Mohd Ismail bin Merican	



LAPORAN AKTIVITI 2009

REPORT ON ACTIVITIES FOR 2009

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

SEKTOR AWAM PUBLIC SECTOR

Ceramah Dan Taklimat

Sepertimana lazimnya dalam usaha menyebar luas dan memantapkan pemahaman serta penghayatan integriti dan Pelan Integriti Nasional (PIN), IIM memenuhi sebanyak 427 ceramah dengan penglibatan 46,301 orang peserta merangkumi pelbagai agensi kerajaan.

Kursus Latihan Untuk Pengajar (TOE) Modul Pembangunan Individu Dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Dalam Perkhidmatan Awam

Sepanjang tahun 2009, sebanyak dua siri Kursus Latihan Untuk Pengajar (TOE) Modul Pembangunan Individu Dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Dalam Perkhidmatan Awam telah dilaksanakan. Seramai 60 orang peserta dari pelbagai agensi telah dilatih bagi membantu IIM memenuhi jemputan ceramah yang semakin meningkat.



Talks And Briefings

In continuing the efforts to spread and establish the understanding and appreciation of integrity and the National Integrity Plan (PIN), IIM conducted 427 talks with the involvement of 46,301 participants encompassing various agencies.

Training Of Educators (TOE) Course, Development Of Individuals And Organisations With Integrity (PIOB) In Public Service Module

Throughout 2009, two series of the Training of Educators (TOE) Course, Development of Individuals and Organisations with Integrity (PIOB) in Public Service Module were conducted. A total of 60 participants from various agencies were trained to assist IIM in fulfilling the increasing invitations for talks.

Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Dalam Perkhidmatan Awam

Seperti tahun-tahun sebelumnya, IIM telah meneruskan pengajuran Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) Dalam Perkhidmatan Awam yang dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama adalah kursus PIOB anjuran IIM yang juga menanggung segala perbelanjaan bagi menjalankan kursus ini. Peserta hanya dikenakan yuran pendaftaran yang kecil. Bagi tahun 2009, sebanyak 20 kursus PIOB telah dijalankan melibatkan 604 orang kakitangan perkhidmatan awam.

Kategori kedua adalah kursus PIOB yang dianjurkan secara kerjasama dengan agensi tertentu di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh agensi berkenaan dan IIM selaku penasihat. Bagi tahun 2009, sebanyak 24 kursus ini diadakan dengan 959 orang peserta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kursus PIOB pada tahun 2009 sebanyak 44 kursus yang meliputi seramai 1,563 orang anggota perkhidmatan awam.

Melalui kursus ini, para peserta dide dahukan kepada konsep nilai, etika dan integriti serta hala tuju PIN. Mereka turut dide dahukan kepada isu-isu etika dan integriti dalam perkhidmatan awam serta strategi ke arah mewujudkan organisasi dan kakitangan perkhidmatan awam yang berintegriti dan seterusnya menjayakan Agenda Integriti Negara.

Kursus Latihan Untuk Pengajaran (TOE) Modul Pembangunan Individu Dan Organisasi Berintegriti Dalam Perkhidmatan Awam / *Training of Educators (TOE) Course, Development of Individuals and Organisations with Integrity (PIOB) in Public Service 2009*

Bil No	Tarikh Date	Zon / Agensi Zone / Agency	Tempat Place	Peserta Participants
1	15 - 18 Jun	TOE PIOB Zon Sabah (IIN Sabah)	Le Meridien Hotel Kota Kinabalu, Sabah	30
2	9 - 12 Disember	Pelbagai Kementerian / Jabatan Various Ministries/Departments	Hotel Bella Vista Langkawi, Kedah	30
JUMLAH KESELURUHAN <i>Total Number</i>				60

Development Of Individuals And Organisations With Integrity (PIOB) In Public Service Course

As in the previous years, IIM continued organising the Development of Individuals and Organisations with Integrity (PIOB) in Public Service Courses which were divided into two categories. The first category was the PIOB course organised by the IIM , with all expenses borne by IIM, except for a small registration fee. In 2009, 20 PIOB courses were conducted involving 604 public service staff.

The second category of PIOB courses are those jointly organised with the relevant agencies, with all costs borne by the latter and the IIM acting as advisor. In 2009, 24 PIOB courses were conducted with 959 participants. This makes for a total of 44 PIOB courses for 2009, covering 1,563 members of the public service.

Through these courses, participants are exposed to the concepts of values, ethics and integrity as well as the direction of the National Integrity Plan. They are also exposed to integrity and ethical issues in public service and strategies towards creating public service staff and organisations with integrity and thus making the national integrity agenda a success.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Kursus Latihan Untuk Pengajaran (TOE) Modul Pembangunan Individu Dan Organisasi Berintegriti Dalam Perkhidmatan Awam / Development of Individuals and Organisations with Integrity (PIOB) in Public Service Module

Tarikh/ Masa <i>Date/Time</i>	1830 - 1030	10.30 – 10.40	10.40 – 13.00	13.00 – 14.30	14.30 - 16.30
Hari 1 Day 1	Sesi 1: Prinsip dan Falsafah Pelan Integriti Nasional <i>Session 1 Principles and Philosophy of the National Integrity Plan</i>		Sesi 2: Integriti Dalam Pengurusan Kewangan <i>Session 2 Integrity in Financial Management</i>		Sesi 3: Lawatan Ke Penjara <i>Session 3 Visit to Prison</i>
Hari 2 Day 2	Sesi 4: Pengenalan Kepada Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam <i>Session 4 Introduction to Corruption, Malpractices and Abuse of Power in Public Service</i>	Rehat Break	Sesi 5: Langkah Pencegahan Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam <i>Session 5 Preventing Corruption, Malpractices and Abuse of Power in Public Service</i>	Makan Tengah Hari & Solat Zohor	Sesi 6: Kepimpinan Melalui Teladan <i>Session 6 Leadership by Example</i>
Hari 3 Day 3	Sesi 7: Peranan Akujanji Dalam Mewujudkan Perkhidmatan Awam Berintegriti <i>Session 7 The Role of the Undertaking Towards Creating A Public Service with Integrity</i>		Sesi 8: Perbincangan Kumpulan <i>Session 8 Group Discussion</i>	Lunch & Zohor Prayer	Sesi 9: Dialog Bersama Tokoh: Ke Arah Perkhidmatan Yang Cemerlang dan Berintegriti <i>Session 9 Dialogue with Prominent Personalities: Towards Service with Excellence and Integrity</i>

Bil No	Tarikh Date	Agensi Agency	Bilangan Peserta Number Of Participants
1.	21 – 23 Januari 2009	Majlis Guru Besar Daerah Kuala Pilah <i>Kuala Pilah District Headmasters Council</i>	29
2.	4 – 6 Februari 2009	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan <i>Negeri Sembilan Department Syariah Judiciary</i>	39
3.	18 – 20 Februari 2009	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani <i>Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry</i>	18
4.	4 – 6 Mac 2009	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani <i>Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry</i>	32
5.	18 - 20 Mac 2009	Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor <i>Selangor Training Institute for PBT</i>	19
6.	1 – 3 April 2009	Pejabat Kewangan Negeri Sembilan <i>Negeri Sembilan Finance Office</i>	29
7.	15 – 17 April 2009	Majlis Daerah Hulu Selangor <i>Hulu Selangor District Council</i>	30
8.	6 – 8 Mei 2009	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri <i>Ministry of International Trade and Industry</i>	38
9.	20 – 22 Mei 2009	Majlis Perbandaran Batu Pahat <i>Batu Pahat Municipal Council</i>	30
10.	3 – 5 Jun 2009	Jabatan Laut Malaysia <i>Malaysia Maritime Department</i>	20
11.	24 – 26 Jun 2009	UiTM Pulau Pinang <i>UiTM Pulau Pinang</i>	33
12.	1 – 3 Julai 2009	Jabatan Imigresen Johor <i>Johor Immigration Department</i>	31
13.	15 – 17 Julai 2009	Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor <i>Selangor Training Institute for PBT</i>	22
14.	26 – 29 Julai 2009	Jabatan Meteorologi Malaysia <i>Malaysian Meteorological Department</i>	32
15.	5 – 7 Ogos 2009	Jabatan Imigresen Malaysia <i>Malaysian Immigration Department</i>	32
16.	12 – 14 Ogos 2009	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Prai Utara <i>Northern Prai District and Land Office</i>	34
17.	7 – 9 Oktober 2009	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan <i>Negeri Sembilan Department of Islamic Affairs</i>	34
18.	21 – 23 Oktober 2009	Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru <i>Johor Bahru District Education Office</i>	34
19.	4 – 6 November 2009	Jabatan Penjara Taiping <i>Taiping Prisons Department</i>	34
20.	7 – 12 Disember 2009	Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru <i>Johor Bahru District Education Office</i>	34
Jumlah Peserta / Number Of Participants			604

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Kursus PLOB Anjuran IIM Pada Tahun 2009 / IIM Organised PLOB Courses in 2009

Bil No	Tarikh Date	Agensi Agency	Bilangan Peserta Number Of Participants
1.	10 – 12 Februari 2009	Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education Malaysia</i>	48
2.	18 – 20 Februari 2009	Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor <i>Selangor Training Institute for PBT</i>	35
3.	22 – 25 Februari 2009	Agenzi Anti Dadah Kebangsaan <i>National Anti-Drug Agency</i>	50
4.	2 – 4 Mac 2009	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan <i>Negeri Sembilan State Secretary Office</i>	50
5.	3 -5 Mac 2009	Institut Pengurusan Air Kebangsaan <i>National Water Management Institute</i>	30
6.	24 – 26 Mac 2009	Kementerian Pengajian Tinggi <i>Ministry of Higher Education</i>	40
7.	15 – 17 April 2009	Institut Perakaunan Negara <i>National Accounting Institute</i>	27
8.	28 – 30 April 2009	Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education Malaysia</i>	46
9.	16 – 18 Jun 2009	Kementerian Pengajian Tinggi <i>Ministry of Higher Education</i>	40
10.	16 – 17 Jun 2009	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak <i>Perak State Secretary Office</i>	43
11.	23 – 26 Jun 2009	Agenzi Anti Dadah Kebangsaan <i>National Anti-Drug Agency</i>	50
12.	24 – 26 Jun 2009	Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education Malaysia</i>	55
13.	15 – 17 Julai 2009	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor <i>Selangor State Secretary Office</i>	50
14.	15 – 18 Julai 2009	Jabatan Lanskap Negara <i>National Landscape Department</i>	40
15.	27 – 29 Julai 2009	Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education Malaysia</i>	36
16.	28 – 29 Julai 2009	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia <i>Universiti Kebangsaan Malaysia Hospital</i>	40

Bil No	Tarikh Date	Agensi Agency	Bilangan Peserta Number Of Participants
17.	28 – 31 Julai 2009	Agensi Anti Dadah Kebangsaan <i>National Anti-Drug Agency</i>	25
18.	18 – 20 Ogos 2009	Jabatan Kerja Raya <i>Public Works Department</i>	35
19.	1 – 5 September 2009	Agensi Anti Dadah Kebangsaan <i>National Anti-Drug Agency</i>	35
20.	7 – 9 September 2009	Jabatan Perumahan Negara <i>National Housing Department</i>	32
21.	29 Sept. – 1 Okt. 2009	Jabatan Kerja Raya <i>Public Works Department</i>	35
22.	12 – 13 Oktober 2009	Universiti Tun Hussein Onn <i>Tun Hussein Onn University</i>	34
23.	10 – 11 November 2009	CMM Sarawak <i>CMM Sarawak</i>	25
24.	18 – 20 November 2009	Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Ministry of Education Malaysia</i>	58
Jumlah Peserta <i>Number Of Participants</i>			959

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Program Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam

Pada penghujung tahun 2009, IIM telah meneruskan Program Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam sebagaimana yang dijalankan pada tahun-tahun lepas sebagai salah satu daripada program tanggungjawab sosial korporat. Rakaman Forum Perdana kali ini diadakan di Kolej Matrikulasi Perak.

Kedua-dua sesi rakaman forum ini telah dipengerusikan oleh Y.B Ustaz Zakaria dari JAKIM. Tajuk rakaman pertama adalah "Menuju Globalisasi 2010" yang bertemakan prinsip perniagaan beretika yang sepatutnya diamalkan oleh peniaga-peniaga di negara ini. Ahli-ahli panel yang dijemput ialah Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaya.

Rakaman kedua yang bertajuk "Melepasi Sempadan Ketakutan" berfokuskan serta bertemakan integriti golongan belia dan dihadiri lebih kurang 3000 pelajar dan kakitangan Kolej Matrikulasi. Antara ahli panel yang dijemput untuk sesi rakaman kedua ini ialah Dr. Mohd. Ridhuan Tee Abdullah, Pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Penerbitan DVD Kompilasi Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam

IIM telah menerbitkan DVD Kompilasi Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam anjuran IIM dari tahun 2005 hingga 2008. Sebanyak 20,000 unit DVD dicetak untuk diedarkan kepada perpustakaan, agensi-agensi kerajaan dan individu-individu yang mengikuti program anjuran IIM. Butiran lanjut mengenai kandungan DVD kompilasi rakaman Forum Perdana Ehwal Islam ini adalah seperti berikut:

Forum Perdana Ehwal Islam Programme

Towards the end of 2009, IIM continued its Forum Perdana Ehwal Islam recording sessions as conducted in the previous years, as one of its Corporate Social Responsibility programmes. The recording of the Forum Perdana was held at the Perak Matriculation College.

Both the recording sessions of this forum was chaired by Ustaz Zakaria from JAKIM. The title of the first forum was "Towards Globalisation 2010", with a theme underscoring the ethical business principles that should be practised by business people in the nation. The panelists invited are the Director-General of IKIM and the Deputy Vice Chancellor, Alumni & Student Affairs, University Malaya.

The second recording was titled "Breaking the Barriers of Fear", focusing on the "integrity of youth", which was also the theme of the forum. It saw the participation of at least 3000 students and staff of the Matriculation College. One of the panelists invited for this second session was Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, lecturer at Universiti Pertahanan Nasional, Malaysia.

Production of DVD Compilations of Forum Perdana Ehwal Islam Recordings

IIM produced DVD Compilations of Forum Perdana Ehwal Islam organised by the IIM from 2005 to 2008. 20,000 units were produced for distribution to libraries, government agencies and individuals participating in IIM programmes. The details of the DVD Compilations of the Forum Perdana Ehwal Islam are as follows:



Penerbitan DVD Kompilasi Rakaman Forum Perdana Ehwal Islam / *Production of DVD Compilations of Forum Perdana Ehwal Islam Recordings*

Bil No	Tajuk Topic	Tarikh Rakaman Date of Recording	Tarikh Siaran Airing Date	Lokasi Rakaman Recording Location
1.	Sampaikan Convey	26 November 2005	Disember 2005	Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
2.	Aduhai Anak Muda Dear Youth!	10 Jun 2006	29 Jun 2006	Dataran Lipis, Kuala Lipis, Pahang
3.	Pandang-pandang... Diam-Diam... Look... Be Silent	10 Jun 2006	5 September 2006	Dataran Lipis, Kuala Lipis, Pahang
4.	Warkah Sepi Silent Letter	3 Febuari 2007	29 Mac 2007	Stadium Mini Bandar Pusat Jengka, Pahang
5.	Mungkir Bahagia Denying Happiness	3 Febuari 2007	23 Ogos 2007	Stadium Mini Bandar Pusat Jengka, Pahang
6.	Rintihan Permata Hati Cry of the Young	8 Mei 2008	26 Jun 2008	Padang Sek. Keb. LKTP Sungai Sayong, Kota Tinggi, Johor
7.	Suci Serikandi The Warrior	8 Mei 2008	16 Oktober 2008	Padang Sek. Keb. LKTP Sungai Sayong, Kota Tinggi, Johor



LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Pembangunan Modul Kesedaran Terhadap Fraud dalam Perkhidmatan Awam

Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) telah mengorak langkah untuk penambahbaikan tadbir urus dalam perkhidmatan awam dengan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap Fraud. Ke arah matlamat itu IIM telah diberi tanggungjawab oleh KKM untuk membangunkan modul "Kursus Kesedaran Terhadap Fraud Dalam Perkhidmatan Awam". Modul kursus ini bakal diguna pakai oleh pelbagai Kementerian atau Jabatan Kerajaan.

Development of Module For Awareness of Fraud In Public Service

The Ministry of Finance (MOF) has taken the initial steps towards improving governance in public service by increasing awareness on fraud. Towards that end, IIM was given the responsibility by the MOF, Malaysia to develop the "Awareness of Fraud in Public Service Course" Module. This course module will be used by various Ministries or government departments.



Bengkel Pembangunan Modul Kesedaran Terhadap Fraud Dalam Perkhidmatan Awam diadakan di A Famosa Resort, Melaka pada bulan April lalu. Agensi-agensi yang dijemput untuk menjayakan bengkel ini terdiri daripada KKM, Jabatan Peguam Negara (JPN), Biro Pengaduan Awam (BPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Audit Negara (JAN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan wakil-wakil Institut Integriti Negeri.

Perunding dari luar dijemput untuk memberi garis panduan dan hala tuju pembentukan modul ini. Seramai 26 orang wakil Kementerian dan Jabatan telah menyertai bengkel ini dan mereka berjaya menghasilkan satu modul kursus selama satu hari yang dipecahkan kepada tiga sesi seperti jadual di bawah:

A Workshop on the Development of Modules on Awareness of Fraud in Public Service was held at the A Famosa Resort, Malacca in April 2009. The agencies invited to the workshop included the Ministry of Finance (MOF), Attorney General's Chambers (AGC), Public Complaints Bureau (PCB), Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Central Bank of Malaysia (BBM), National Audit Department (NAD), Royal Malaysian Police (RMP), Employees Provident Fund (EPF) and representatives of State Institutes of Integrity.

External consultants provided the guidelines and direction for the development of this module. Up to 26 representatives of Ministries and departments participated in this workshop, succeeding in producing a one day course module divided into 3 sessions in the schedule below:

Tarikh/Masa <i>Date/Time</i>	1830 – 1030	1030 – 1040	1040 – 1300	1300 – 1430	1430 - 1630
Hari 1	Sesi 1: Pengenalan Terhadap Fraud	Rehat	Sesi 2: Langkah Pencegahan Fraud	Makan Tengah Hari & Solat Zohor	Sesi 3: Perbincangan Kumpulan
Day 1	<i>Session 1 Introduction to Fraud</i>	<i>Break</i>	<i>Session 2 Steps in Preventing Fraud</i>	<i>Lunch & Zohor Prayer</i>	<i>Session 3 Group Discussion</i>

Agensi Kerajaan yang berminat untuk menggunakan modul ini boleh mengambil ketiga-tiga tajuk atau memilih salah satu untuk dimasukkan dalam kursus-kursus yang mereka adakan. Modul ini telah melalui proses pemurnian dan sedia untuk dilaksanakan. IIM merancang untuk mengadakan beberapa siri Kursus Latihan Untuk Pengajar (TOE) berdasarkan modul ini pada tahun 2010.

Government Agencies which are interested in using this module may use all three topics or choose any one to be included in their courses. This module has been refined and is ready to be used. IIM plans to hold a series of Training of Educators Courses (TOE) based on this module in 2010.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Penggubalan Pelan Integriti Organisasi (PIO)

Pada tahun 2009 IIM telah membantu beberapa buah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk menggubal Pelan Integriti Organisasi (PIO). Permintaan khidmat nasihat ini dijangka akan meningkat pada tahun 2010 memandangkan PIO merupakan antara dokumen yang diperlukan untuk tujuan penentuan Sistem Penarafan Bintang yang diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mulai tahun 2007.

Laporan Pelaksanaan SIWP Tahun 2009

Seminar Integriti Warga Pendidik (SIWP) merupakan program anjuran IIM dengan kerjasama KPM melalui Unit Pelan Integriti Nasional, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Program yang bermula pada tahun 2007 di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) telah diperluaskan ke peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada tahun 2008. Pada tahun 2009 pula, pelaksanaan SIWP ini diperluaskan lagi mencakupi Kolej Matrikulasi sebagai salah satu usaha gerakan pemantapan integriti di kalangan warga pendidik.

Sepanjang tahun 2009, seminar ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak 19 siri meliputi 21 PPD, 26 siri peringkat IPGM dan sembilan siri peringkat Kolej Matrikulasi di seluruh negara. Kos pengendalian dibiayai secara bersama oleh IIM dan KPM. Seramai 18,650 orang peserta yang terdiri daripada pengetua, guru besar, guru penolong kanan, guru-guru mata pelajaran Agama, Moral dan Sivik, pensyarah, kakitangan pengurusan dan pentadbiran serta guru-guru pelatih IPGM telah menghadiri seminar ini.

Peserta-peserta yang menghadirinya memberi sambutan baik berdasarkan borang maklum balas penilaian. Lanjutan daripada seminar yang dilaksanakan di peringkat PPD, atas inisiatif guru-guru yang terlibat, satu seminar di peringkat sekolah-sekolah Zon 4B Paya Bungor, Kuantan telah diadakan.

Drafting of the Organisational Integrity Plan (PIO)

In 2009 IIM assisted a few agencies under the Ministry of Natural Resources and Environment, Inland Revenue Board (IRB) and Shah Alam Municipal Council (MBSA) to draft the Organisational Integrity Plan (PIO). The request for this advisory service is expected to rise in 2010, given that the PIO is among the documents required for the Star Rating System introduced by Malaysian Administrative Modernisation and Management Planing Unit (MAMPU) in 2007.

2009 SIWP Implementation Report

The Educators Integrity Seminar (SIWP) is a programme organised by the IIM with the cooperation of the Ministry of Education (MOE) through the National Integrity Plan Unit, Human Resource Management Division. The programme which started in 2007 at the State Education Department level was expanded to the District Education Office (PPD) and the Teachers Training Institute Malaysia (IPGM) in 2008. In 2009, the implementation of the SIWP was expanded to include the Matriculation College as one of the efforts towards strengthening integrity in teachers.

Throughout 2009, 19 series of this seminar was conducted, covering 21 PPD; 26 series at the IPGM level and nine series at the Matriculation College level throughout the nation. The costs were jointly borne by IIM and the MOE. A total of 18,650 participants made up of principals, headmasters, senior assistants, and teachers of Islamic Studies, Moral and Civics subjects, lecturers, management and administrative staff and IPGM trainee teachers attended this seminar.

Participants who attended responded well based on the feedback assessments. As an extension of the seminar conducted at the PPD level and on the initiative of the teachers involved, a seminar at the 4B Zone Paya Bungor, Kuantan schools level was held.

**Seminar Integriti Warga Pendidik (SIWP) 2009 Peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) / Integrity Seminar
For Educators (SIWP) District Education Office Level (PPD) 2009**

Bil No	Jabatan / Institusi <i>Department/Institution</i>	Tarikh Program <i>Programme Date</i>	Jumlah Peserta <i>Number of Participants</i>
1	PPD Baling / Sik, Kedah	10 Januari	300
2	PPD Kulim Bandar Baharu, Kulim, Kedah	31 Januari	270
3	PPD Besut, Terengganu	14 Februari	252
4	PPD Kemaman, Terengganu	7 Mac	200
5	PPD Sibu, Sarawak	7 Mac	288
6	PPD Pasir Mas, Kelantan	14 Mac	324
7	PPD Raub, Pahang	21 Mac	302
8	PPD Lipis, Pahang	11 April	289
9	PPD Gua Musang, Kelantan	12 April	285
10	PPD Batu Pahat, Batu Pahat, Johor	25 April	262
11	PPD Segamat, Johor	23 Mei	297
12	PPD Jempol & Jelebu, Negeri Sembilan	30 Mei	550
13	PPD Lahad Datu, Sabah	20 Jun	300
14	PPD Hilir Perak, Perak	27 Jun	425
15	PPD Beaufort, Sabah	11 Julai	350
16	PPD Hulu Selangor & PPD Gombak	11 Julai	450
17	PPD Seremban, Negeri Sembilan	25 Julai	300
18	PPD Daerah Manjung, Perak	8 Ogos	350
19	PPD Timur Laut & PPD Barat Daya Pulau Pinang	10 Oktober	650
Jumlah / Total			6,444

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Seminar Integriti Warga Pendidik (SIWP) Peringkat Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) 2009 / Integrity Seminar For Educators (SIWP) Teachers Training Institute Malaysia (IPGM) Level 2009

Bil No	Jabatan / Institusi Department/Institution	Tarikh Program Programme Date	Jumlah Peserta Number of Participants
1	IPGM Kampus Darul Aman	21 Januari	341
2	IPGM Kampus Sungai Petani	22 Januari	378
3	IPGM Kampus Sultan Mizan, Terengganu	14 Februari	259
4	IPGM Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu	15 Februari	296
5	IPGM Kampus Bahasa Antarabangsa &	26 Februari	506
6	IPGM Bahasa Melayu	2 Mac	234
7	IPGM Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak	3 Mac	280
8	IPGM Kampus Batu Lintang, Sarawak	4 Mac	171
9	IPGM Kampus Sarawak	5 Mac	184
10	IPGM Kampus Rajang, Bintangor	12 Mac	426
11	IPGM Kampus Kota Bharu, Kelantan	10 April	289
12	IPGM Tengku Ampuan Afzan, Pahang	18 April	446
13	IPGM Kampus Pendidikan Islam Selangor	27 April	213
14	IPGM Kampus Tun Hussein Onn	7 Mei	400
15	IPGM Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan	8 Mei	400
16	IPGM Kampus Pendidikan Teknik, Kuala Lumpur	22 Mei	389
17	IPGM Perempuan Melayu, Melaka	25 Julai	1500
18	IPGM Temenggong Ibrahim, Johor Bahru Johor	7 Ogos	194
19	IPGM Kampus Ipoh, Perak	29 September	326
20	IPGM Kampus Perlis	6 Oktober	420
21	IPGM Kampus Tawau	7 Oktober	400
22	IPGM Kampus Keningau, sabah	8 Oktober	350
23	IPGM Kampus Kent, Tuaran	8 Oktober	430
24	IPGM Tuanku Bainun, Seberang Perai	9 Oktober	429
25	IPGM Kampus Gaya, Kota Kinabalu IPGM Persekutuan Pulau Pinang,	9 Oktober	248
26	Bukit Combee IPGM Kampus Ilmu Khas	29 Oktober	400
Jumlah / Total			9,909



Seminar Integriti Warga Pendidik (SIWP) Peringkat Kolej Matrikulasi (KM) 2009 / Integrity Seminar For Educators (SIWP) Matriculation College Level (KM) 2009

Bil No	Jabatan / Institusi Department/ Institution	Tarikh Program Programme Date	Jumlah Peserta Number of Participants
1	KM Kedah	29 Januari	281
2	KM Pahang	6 Mac	257
3	KM Johor	8 Mei	226
4	KM Perak	5 Jun	270
5	KM Pulau Pinang	4 Julai	273
6	KM Perlis	28 September	250
7	KM Negeri Sembilan	5 Oktober	280
8	KM Labuan, Kg. Meriding	10 Oktober	240
9	KM Melaka	29 Oktober	220
Jumlah / Total			2,297

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

KAJIAN

Dalam usaha memantapkan integriti penjawat awam ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara keseluruhan, IIM telah melaksanakan satu kajian yang disempurnakan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia (UUM), bertajuk “Keberkesanan Sistem Pengurusan Tatatertib Kakitangan Dalam Memperkuatkannya Integriti Perkhidmatan Awam”. Kajian ini mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sistem pengurusan tatatertib serta tahap keberkesanannya di dalam Perkhidmatan Awam, terutamanya agensi Persekutuan, Negeri, Badan-badan Berkanun, dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan bagi mengumpulkan maklumat berkaitan isu-isu yang diterokai. Kaedah kuantitatif, menyasarkan 1,800 responden dari peringkat Kementerian, Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan PBT untuk mengisi borang soal selidik yang dikirim secara pos ke jabatan masing-masing. Daripada jumlah tersebut, 1,006 responden atau 56 peratus menjawab soal selidik tersebut. Bagi kaedah kualitatif pula, teknik temu bual kumpulan fokus telah digunakan dengan menemui bual 37 responden yang mewakili 20 organisasi (kumpulan pakar) dan juga 131 responden dari 63 organisasi (kumpulan urus setia tatatertib).

Hasil kajian, beberapa strategi penambahbaikan telah dicadangkan terutamanya dari aspek peraturan dan tatacara tatatertib serta pengurusan dan pentadbiran bagi memantapkan lagi keberkesanan sistem pengurusan tatatertib penjawat awam dalam usaha memperkuatkannya integriti perkhidmatan awam.

RESEARCH

In its efforts to strengthen the integrity of public office holders towards improving the public delivery system on the whole, the IIM commissioned research conducted by the Research Management and Innovation Centre, Universiti Utara Malaysia (UUM), entitled “Effectiveness of Staff Discipline Management System in Strengthening Public Service Integrity.” This study determined the strengths and weaknesses of the discipline management system and its effectiveness in Public Service, especially in Federal and State agencies, statutory bodies and local authorities (PBT).

Both qualitative and quantitative approaches were used to obtain information regarding the issues explored. The qualitative method aimed at 1,800 respondents from the Ministry, Federal Departments, State Departments, Statutory Bodies and PBT levels to fill in the questionnaire forms sent by post to their respective departments. From that number, 1,006 respondents or 56 percent responded. For the qualitative method, the technique of interviewing focus groups was used where 37 respondents representing 20 organisations (the expert groups) and 131 respondents from 63 organisations (the disciplinary secretariat group) were interviewed.

Arising from the study, several improvement strategies were suggested especially regarding rules and disciplinary procedures and management and administration to improve the effectiveness of the public servant's disciplinary management system in efforts to strengthen the integrity of the public service.

SEKTOR SWASTA PRIVATE SECTOR



Debat CIMA-IIM mengenai Etika – “Is Ethics the First Casualty of the Downturn?”

Hasil perbincangan dan susulan kerjasama dengan Institut Akauntan Pengurusan Berkanun (CIMA) Global dan Malaysia, CIMA-IIM telah menganjurkan buat pertama kali, “Debat Mengenai Etika” pada 3 Mac 2009. Acara yang dihadiri oleh 169 orang termasuk wakil-wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, CIDB, Amanah Raya Berhad, Business Ethics Institute of Malaysia, MICG, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, MIA, Malaysian Rating Agency, IBBM, MICCI dan institusi pengajian tinggi seperti MSU, Universiti Sains Malaysia dan UNITEN menyaksikan debat MSWG di antara dua pasukan gabungan CIMA Global dan TM Berhad. Pasukan pencadang dianggotai oleh Glynn Lowth Presiden CIMA Global dari UK dan Hashim Mohammed, Ketua Audit Dalaman, Kumpulan TM Berhad sementara pasukan pembangkang dianggotai oleh Presiden CIMA Malaysia, Chandra Mohan Balasubramaniam dan Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Rita Benoy Bushon. Debat tersebut membincangkan peranan lembaga pengarah, fungsi kod tatalaku, korupsi dan kaitan antara kekurangan etika dan kesanya kepada krisis kewangan dunia.

The CIMA-IIM Debate on Ethics – “Is Ethics the First Casualty of the Downturn?”

As a result of the discussion, the Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) Global and Malaysia in collaboration with IIM organised the inaugural CIMA-IIM Debate on Ethics on 3 March 2009. The event was attended by 169 guests including representatives from the Public Services Department, CIDB, Amanah Raya Berhad, Business Ethics Institute of Malaysia, MICG, Malaysian Deposit Insurance Association, MIA, Malaysian Rating Agency, IBBM, MICCI and higher learning institutions such as MSU, Universiti Sains Malaysia and UNITEN witnessed the debate between two combined teams of CIMA Global, MSWG and TM Berhad. The proposing team comprised of Glynn Lowth, President of CIMA Global from UK and Hashim Mohammed, Head of Internal Audit, TM Group Berhad while the opposition was made up of President of CIMA Malaysia, Chandra Mohan Balasubramaniam and the Chief Executive Officer of MSWG, Rita Benoy Bushon. The debate discussed the roles of the executive board, functions of the code of conduct, corruption and the lack of ethics that led to the world financial crisis .

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Usahasama Institut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Salah satu daripada objektif PIN di bawah institusi ekonomi adalah untuk memperkasakan integriti korporat. Pihak berkepentingan bagi inisiatif ini, selain daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia Berhad dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kooperasi dan Kepenggunaan ialah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). SSM merupakan badan berkanun yang mengawal selia syarikat dan perniagaan. IIM telah mengadakan satu kerjasama secara langsung menerusi Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk membangunkan modul “Pan Commonwealth Workshop on Leveraging Corporate Governance and Ethics Strategies in Strengthening Institutional Integrity System Against Corruption” yang berlangsung di Concorde Hotel, Kuala Lumpur bulan Ogos 2009. Sebanyak 11 buah modul telah dihasilkan bersama termasuk Module 2: Evolution of Corporate Governance Amongst Selected Commonwealth Countries and Issues of Corporate Governance in the 21st Century; Module 3: Corporate Governance Reforms Agenda and Legal Framework Review: The Malaysian Experience; dan Module 4: Companies Commission of Malaysia’s Corporate Enforcement Initiatives in Ensuring Compliance. Bengkel tersebut telah menerima maklumbalas yang sangat baik dan dijangka akan diadakan lagi pada tahun depan. Tanggal 7 Ogos 2009 hari terakhir bengkel kerja, IIM dan SSM telah memeterai Memorandum Persefahaman yang menggariskan kerjasama dalam bidang latihan, penyelidikan, komunikasi dan promosi, penerbitan dan media pembangunan integriti korporat dan usaha-usaha berkaitan. Dokumen tersebut ditandatangani oleh Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan selaku Pengurus IIM, Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh, Presiden IIM manakala SSM pula diwakili oleh, Pengurus SSM, Datuk Mohd Zaini Mohd Dom serta Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato’Azmi bin Ariffin.

Signing Ceremony of the Memorandum of Understanding for the Collaboration between the Malaysian Institute of Integrity and the Companies Commission Malaysia

One of the objectives of the NIP for economic institutions is to strengthen the integrity of corporations. The stakeholder for this initiative, other than the Securities Commission of Malaysia, Bursa Malaysia Berhad and the Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumerism is the Companies Commission of Malaysia (CCM). CCM is the statutory body responsible for regulating companies and businesses. IIM has established direct cooperation through the Training Academy, Companies Commission of Malaysia to develop the modules for the “Pan Commonwealth Workshop on Leveraging Corporate Governance and Ethics Strategies in Strengthening the Institutional Integrity System Against Corruption”, which was held at the Concorde Hotel, Kuala Lumpur in August 2009. 11 modules designed including Module 2: Evolution of Corporate Governance Amongst Selected Commonwealth Countries and Issues of Corporate Governance in the 21st Century; Module 3: Corporate Governance Reforms Agenda and Legal Framework Review: The Malaysian Experience; and Module 4: Companies Commission of Malaysia’s Corporate Enforcement Initiatives in Ensuring Compliance. The workshops received favourable feedback and are expected to be held again next year. At the end of the workshop on 7 August 2009 IIM and CCM sealed their Memorandum of Understanding that outlines the cooperation in the fields of training, research, communications and promotion, publishing and media on developing corporate integrity and related efforts. The document was signed by Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan in his capacity as the Chairman of IIM, Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, the President of IIM while SSM is represented by SSM chairman, Datuk Mohd Zaini Mohd Dom and the Chief Executive Officer of SSM, Y. Bhg Dato’ Azmi bin Ariffin.

Kerjasama Institut Integriti Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Arkib Negara Malaysia

Susulan kerjasama IIM, Polis Diraja Malaysia, Muzium Polis Diraja Malaysia, Kelab Komando Veteran 69 dan Arkib Negara Malaysia, satu projek sejarah lisan Komando Veteran 69 telah diusahakan bersama sepanjang tahun 2009. Majlis tahlil Kelab Komando ini juga telah dianjurkan bersama IIM di Ulu Kinta, Perak sempena mengingati mereka yang terkorban dalam perjuangan menentang musuh negara. Wakil PDRM Bukit Aman, Dato Benjamin bin Hasbie, Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan turut hadir. Seramai 40 tokoh Komando telah dikenalpasti dan ditemuramah sepanjang tahun 2009. Kerja-kerja menemuramah dan merakam sejarah lisan telah dibuat oleh rangkaian wakil IIM, ANM dan PDRM. Objektif usahasama ini adalah untuk merakam sejarah gemilang Polis Diraja Malaysia yang bakal digunakan sebagai asas modul dan bahan rujukan mengenai Polis Diraja Malaysia.

Cooperation between IIM, the Royal Malaysian Police (RMP) and National Archives Malaysia

Stemming from the cooperative efforts between IIM, the RMP, the RMP Museum, VAT 69 Commando Ulu kinta and the National Archives Malaysia, a verbal history project on the VAT 69 Commando was jointly produced throughout 2009. A tahlil event with IIM commemorating the fallen officers in the struggle against the enemy was held. It was attended by Dato' Benjamin Hasbie, Director of Research and Development, PDRM. Forty exemplary members were identified and interviewed throughout 2009. Work was carried out by a network of representatives from IIM, ANM and the RMP. The objective of the project was to record the glorious history of the Royal Malaysian Police, which will be used as modules and reference materials about the force.



LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

CSR REBUNG 2009 – Training of Trainers Workshop



Usahasama Institut Integriti Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

- i) Bengkel Kerja CSR Rebung 2009 untuk Rebung Alumnus Club (RAC)

Program CSR Rebung sekali lagi memperkenalkan elemen baru hasil program 2008 iaitu CSR Rebung Taiping dan Jelajah Integriti apabila sekumpulan peserta menyahut cabaran IIM untuk sama-sama menerajui usaha program CSR Rebung 2009. Pada bulan Januari, seramai 24 orang alumni CSR Rebung 2008 dan peserta Jelajah Integriti 2008 hadir ke mesyuarat pertama “CSR Rebung Alumnus Workshop” yang bertujuan memperkenalkan program CSR Rebung dari sudut penganjur dan sekaligus mengasah kemahiran dan idea-idea baru dari alumnus untuk menambahbaikkan program. Bengkel kerja itu membahagikan kumpulan tersebut kepada empat modul dan setiap kumpulan diberi kepercayaan untuk memperkayakan modul kreatif, sosial, ekonomi dan alam sekitar. Mereka juga diberi mandat untuk memilih maktab yang sesuai sebagai tapak projek, memilih tema dan membuat cadangan aktiviti-aktiviti, selaras dengan garis panduan modul latihan IIM. Pada 29 Januari hingga 1 Februari, sesi bengkel kerja kedua diadakan untuk memperhalusi program dan MRSRM Pontian, Johor dipilih sebagai tuan rumah. Struktur CSR Rebung Alumnus juga dibentuk dan Mohd Zulfarid bin Khalid sebulat suara dipilih menjadi Presiden pertama CSR Rebung Alumnus yang kemudiannya diubah kepada Rebung Alumnus Club (RAC).

Collaboration between IIM and Majlis Amanah Rakyat (MARA)

- i) CSR Rebung 2009 Workshop for Rebung Alumnus Club (RAC)

The CSR Rebung is again introducing a new element as a result of the 2008 Taiping CSR Rebung and Jelajah Integriti programme where a group of participants took up the challenge of IIM to lead the CSR Rebung 2009 programme. In January, 24 alumni of CSR Rebung 2008 and participants of Jelajah Integriti 2008 attended the first “CSR Rebung Alumnus Workshop” with the objective of introducing CSR Rebung from the viewpoint of the organiser and at the same time sharpen the skills and bring new ideas from the alumnus to improve the programme. The workshop divided the group into 4 and every group was given the responsibility of enriching the creative, social, economic and environment modules. They were also given the mandate to select a suitable college as the base for their project and choose a theme, make suggestions for activities, complying with the guidelines of the IIM training module. Between 29 January and 1 February, the second session was held to refine the program, and the Mara Junior Science College, Pontian was chosen as the host. The CSR Rebung Alumnus structure was also formed and Mohd Zulfarid bin Khalid was unanimously chosen as the first CSR Rebung Alumnus President later renamed the Rebung Alumnus Club (RAC).



ii) Bengkel Kerja “*Training of Trainers*” CSR Rebung 2009

Bermula 10 hingga 12 Mei 2009, selepas kertas kerja dibentangkan dan dipersetujui Bahagian Pendidikan Menengah MARA, satu sesi dengan kerjasama Bahagian Pendidikan MARA menyaksikan wakil-wakil guru-guru MRSRM seluruh negara menghadiri bersama dengan wakil-wakil Integrity Business Club dan Alumnus CSR Rebung, bengkel “*Training of Trainer’s - CSR Rebung 2009*.” Walaupun sesi latihan seumpama ini telah dijalankan semasa program CSR Rebung Taiping 2008, sesi tahun 2009 hanya terbuka kepada guru-guru. Corak bengkel latihan ini juga diubah dengan sesi suaikenal bersama 35 orang peserta, termasuk wakil-wakil daripada PLUS Expressways Berhad yang diterajui oleh Master Trainer Zulkifli Abd Rahim, Nurol Asyikin Nadzir, Mohd Suhaimi Mohd Din dan pegawai-pegawai IIM. Tema “*Sustaining the Nation’s Development Through Integrity*” dipilih sebagai tema tahun 2009.

iii) Projek CSR Rebung 2009, MRSRM Pontian

Bermula 29 Mei hingga 2 Jun 2009, kesemua 70 fasilitator termasuk urusetia IIM telah mengelola program CSR 2009, bersama-sama dengan jawatankuasa kerja tuan rumah MRSRM Pontian seramai 50 orang, dibawah pimpinan Pengetua MRSRM Johor, Tuan Ahmad Kamal Bin Abu Bakar. Empat modul program tersebut merangkumi kajiselidik di Pekan Pontian, bersama Orang Kuala di Pekan Rengit dan lawatan alam sekitar ke Tanjung Piai, Stesen Janakuasa Tanjung Bin (Malakoff) dan ladang nenas.

ii) “*Training of Trainers*” CSR Rebung 2009 Workshop

*From 10 to 12 May 2009, after a working paper was presented and accepted by the MARA Secondary Education Department, a session conducted with the cooperation of the MARA Education Department saw representatives of teachers from MRSRM throughout the country attending the “*Training of Trainers - CSR Rebung 2009*” workshop together with the representatives of the Integrity Business Club and CSR Rebung Alumnus. Even though such a training session was conducted during the CSR Rebung Taiping 2008, the session this year was only open for teachers. The format for the training workshop was also modified with an “ice-breaking” session with the 35 participants, including representatives from PLUS Expressways Berhad with guidance from the Master Trainer, Zulkifli Abd Rahim, Nurol Asyikin Nadzir, Mohd Suhaimi Mohd Din and IIM’s officers. “*Sustaining the Nation’s Development Through Integrity*” was chosen as the theme for 2009.*

iii) The CSR Rebung 2009, MRSRM Pontian Project

From 29 May to 2 June 2009, 70 facilitators including the IIM secretariat organised CSR Rebung 2009, together with the MRSRM Pontian host working committee of 50 members, under the leadership of the MRSRM Johor Principal, Tuan Ahmad Kamal Bin Abu Bakar. The four modules consisted of a survey in Pekan Pontian, visit to the Orang Kuala in Pekan Rengit and an environmental study visit to Tanjung Piai, Tanjung Bin power generation station and a pineapple farm.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES



Modul ekonomi mengambil tempat di R&R Machap sementara modul kreatif diberi nafas baru dengan lawatan ke Pekan Pontian untuk sesi mengambil gambar kreatif dan meninjau isu-isu integriti sebagai bahan persembahan setiap malam dalam bentuk sketsa dan nyanyian. Satu lagi elemen baru yang diperkenalkan adalah pembentangan oleh pemenang-pemenang pasukan MRSM yang telah bertanding di *International Sustainable World (Energy, Engineering, Environment) Project Olympiad I-SWEEP* untuk berkongsi pengalaman dan nasihat dengan peserta-peserta CSR Rebung mengenai tanggungjawab sosial; asas kepada program tersebut. Satu sesi forum kepimpinan membawa tema “*The Role of Leadership in Sustaining the Nation’s Development Through Integrity*” juga telah diadakan dengan penyertaan Presiden IIM, Datuk Dr. Mohd Tap Salleh dan Pengarah Urusan Plus Expressways Hajah Noorizah Haji Abdul Hamid. Majlis penutupan diiringi pameran hasil kerja semua kumpulan modul yang terlibat.

The economic module took place at the Machap R&R while the creative module also was given new life with a visit to Pontian town for a creative photography session on integrity issues as presentation materials nightly in the form of sketches and singing. Another element introduced was the presentation by winning MRSM teams which competed in the International Sustainable World (Energy, Engineering, Environment) Project Olympiad I-SWEEP competition to share their experiences and advice with the participants of CSR Rebung regarding their social responsibility which is the basis of the programmes. A session on leadership themed “The Role of Leadership in Sustaining the Nation’s Development Through Integrity” was also held with the participation of the IIM President Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh and the General Manager of Plus Expressway Berhad, Hajah Noorizah Haji Abdul Hamid. The closing ceremony was accompanied by an exhibition of the participating groups.





- iv) Usahasama Institut Integriti Malaysia, Majlis Amanah Rakyat dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Program "Jom Ke Sekolah Menengah"

Susulan mesyuarat penyelarasan bersama MARA-JHEOA yang diadakan pada 11 November 2009, pihak IIM dijemput oleh pihak MARA untuk menjadi agensi yang membekalkan tenaga pengajar, modul dan khidmat nasihat pakar untuk melatih pelajar-pelajar terpilih MRSM menjadi kakak dan abang angkat (fasilitator utama) dalam program "Jom Ke Sekolah Menengah" yang dianjurkan bersama oleh BPM-MARA dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Berdasarkan kejayaan modul adik angkat orang asli sewaktu projek Jelajah Integriti 2008 dan 2009 hasil usahasama Bahagian Pendidikan Khas dan Suhakam, JHOEA dan MARA memohon mendapatkan khidmat bantuan kepakaran modul orang asli ini dari IIM khususnya menerusi tenaga kerja ahli-ahli IBC dan pelajar-pelajar program CSR Rebung untuk bertindak sebagai pelatih, perantara dan menjadi contoh ikutan anak-anak Orang Asli untuk meneruskan pelajaran mereka ke Tingkatan 1.

Satu kurikulum ringkas berdasarkan Jelajah Integriti 2008 dicipta bersama Presiden Rebung Alumnus Club dan pasukan kecil yang dianggotai Integrity Business Club dan Rebung Alumnus Club dihantar untuk melatih tidak kurang daripada 120 orang pelajar MRSM, di antaranya peserta CSR Rebung 2009. Mereka dilatih untuk melaksanakan sembilan buah modul yang menggunakan elemen pembelajaran 3M termasuk satu modul teater untuk dipersembahkan kepada adik-adik angkat mereka. Setiap satu sesi bermula dengan taklimat penerangan oleh wakil pegawai IIM bagi memberi penjelasan peranan besar yang akan dimainkan oleh pelajar MRSM tersebut dalam membantu membela masa depan pelajar-pelajar Orang Asli darjah enam yang menghadapi cabaran meneruskan persekolahan ke Tingkatan 1. Tiga sesi telah berlangsung pada tahun 2009 iaitu di MRSM Kuala Klawang, Kelantan (29 November hingga 1 Disember), MRSM Taiping, Perak (10 hingga 12 Disember) dan MRSM Kuantan, Pahang (13 hingga 15 Disember). Dianggarkan seramai 400 anak-anak orang asli telah menyertai program ini.


- iv) *Collaboration between IIM, Majlis Amanah Rakyat dan Department of Orang Asli Affairs "Let's Go to Secondary Schools" Programme*

Following a MARA-JHEOA meeting held on 11 November 2009, IIM was invited by MARA to be the agency providing trainers, modules and expert advice to train chosen MRSM students as foster brothers and sisters (main facilitators) in the "Let's Go to Secondary Schools" programme jointly organised by BPM-MARA and the Department of Orang Asli Affairs (JHEOA). Based on the success of fostering Orang Asli children during the Jelajah Integriti 2008 and 2009 as the result of a collaboration between the Special Education Unit and Suhakam, JHEOA and MARA requested for expert assistance for the orang asli module from IIM, specifically through the members of IBC and students from the CSR Rebung programme to act as trainees, moderators and as role models to the Orang Asli children to encourage them to continue their studies to Form 1.

A simple curriculum based on Jelajah Integriti 2008 was designed together with the President of the Rebung Alumnus Club and a small team comprising of the Integrity Business Club and Rebung Alumnus Club were to train at least 120 MRSM students, some of whom were participants of CSR Rebung 2009. They were trained to execute 9 modules which make use of the 3M learning elements including a theater module which was presented to their younger foster sisters and brothers. Each session started with an introduction by an IIM officer regarding the important roles that will be played by the MRSM students in helping to improve the future of the standard six students who are facing challenges in continuing their studies into Form 1. Three sessions were held in 2009, at MRSM Kuala Klawang, Kelantan (29 November to 1 December), MRSM Taiping, Perak (10 to 12 December) and MRSM Kuantan, Pahang (13 to 15 December). It is estimated that 400 Orang Asli children took part in this programme.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES



Usahasama IIM-MIMOS – Konvensyen “IIM-MIMOS Satria 1 2009 Leadership Core Values”

Lanjutan usahasama menganjurkan Konvensyen IIM-MIMOS SATRIA 1 2008 Leadership Core Values pada Februari 2008 yang mempertandingkan lapan belas pelan tindakan yang dicipta oleh setiap unit di MIMOS Berhad selepas siri taklimat dan bengkel kerja SATRIA 1 selesai dijalankan untuk semua kakitangan MIMOS, IIM dan MIMOS Berhad sekali lagi berganding bahu untuk menganjurkan Konvensyen IIM-MIMOS SATRIA 1 2008 Leadership Core Values 2009. Tahun ini setiap unit menghantar pembentangan pelan tindakan caracara mereka membudayakan kesemua lapan nilai SATRIA 1 di kalangan warga MIMOS Berhad. Hasil saringan pertama yang dianggotai oleh pegawai-pegawai IIM, sembilan pasukan mendapat tempat ke pusingan akhir dan lapan pelan tindakan terbaik dipilih, oleh panel pakar yang dianggotai Tan Sri Dr. Amar Hamid Bugo, Ahli Lembaga Pengarah IIM, Prof. Dr. Syed Abdul Hamid Al-Junid, Ketua Jabatan Ekonomi dan Tadbir Urus, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan Encik Izani Ashari, Pengarah Transformation Management Office Khazanah Nasional Berhad yang juga memberi maklumbalas mengenai pelan tindakan dan cadangan penambahbaikan. Acara ini telah disempurnakan di MIMOS Berhad. Saringan akhir bagi juara keseluruhan akan diadakan pada tahun 2010.

Collaboration between IIM-MIMOS – The “IIM-MIMOS Satria 1 2009 Leadership Core Values” Convention

Following the success of the MIMOS SATRIA 1 2008 Leadership Core Values IIM Convention in February 2008 in which 18 competing action plans were crafted by every unit in MIMOS Berhad after a series of SATRIA 1 talks and workshops completed for all MIMOS staff, IIM and MIMOS Berhad once again collaborated to organise the IIM-MIMOS SATRIA 1 2008 Leadership Core Values Convention 2009. This year, each unit sent a presentation of an action plan on how they were going to inculcate all the eight values of SATRIA 1 into the culture of MIMOS Berhad. In the preliminaries, 9 teams were chosen for the final round and eight best action plans were selected, by an expert panel which comprised of Tan Sri Dr. Amar Hamid Bugo, IIM board member; Prof. Dr. Syed Abdul Hamid Al-Junid, Head, Economics and Governance Department, INCEIF and Encik Izani Ashari, Director of Transformation Management Office Khazanah Nasional Berhad which also provided feedback on action plans and suggestions for improvements. This event was held in MIMOS Berhad. Final screening for the overall champion will be held in 2010.

Sesi Latihan Program Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals

IIM dengan sokongan Petronas Management Training Sdn Bhd (PERMATA) telah mengadakan kerjasama pintar bersama Kerajaan Negeri Sabah khususnya INSAN bagi menganjurkan program Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles For Young Professionals (TSAZAIC) ke-8 dari 19 hingga 24 Julai 2009 bertempat di Semporna, Sabah. Program ini dinamakan sempena jasa Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin selaku bekas Penggerusi Petronas. Keteguhan nilai etika dan pegangan prinsip hidupnya yang berintegriti menjadi tunjang program ini. Kursus TSAZAIC ke-8 ini dihadiri 30 pegawai eksekutif muda berumur antara 25 hingga 35 tahun yang dipilih melalui proses saringan integriti daripada 120 pencalonan yang diterima oleh IIM daripada pelbagai sektor kerajaan, swasta, korporat dan badan bukan kerajaan (NGO). TSAZAIC ke-8 ini telah dirasmikan oleh Datuk Gregory Joitol, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pembangunan) yang mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Sehingga kini, jumlah keseluruhan alumni TSAZAIC adalah seramai 171 orang. Rencana pengisian program yang diterapkan ADK (Aktiviti Dalam Kelas) termasuk bengkel interaktif, pembelajaran intelektual nilai etika dan integriti dikendalikan oleh fasilitator pakar menerusi enam modul intensif. Program TSAZAIC ke-8 adalah unik kerana ia memperkenalkan ciri nilai murni serta kelebihan maksud integriti Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin ditambah lagi dengan pemahaman kisah hidup beliau melalui pembacaan buku “*The Quintessential Man – the Story of Tan Sri Azizan Zainul Abidin*” oleh Azam Aris. Peserta juga didedahkan pengalaman kendiri yang mendalam terhadap konsep amalan tadbir urus terbaik dan tanggungjawab sosial. Selain itu lawatan sambil belajar ke Pangkalan Strategik TLDM Semporna memberi pengenalan kepada maksud integriti serantau menerusi perspektif anggota TLDM. Slot eksklusif berhubung isu-isu anti-rasuah dan dilema etika bersama pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri Sabah diadakan seiring dengan kunjungan ke Pejabat Daerah Semporna. Peserta diberi penerangan mengenai program pembasmian kemiskinan terancang kerajaan di daerah Semporna. Peserta didedahkan kepada masalah sebenar masyarakat bawahan Semporna menerusi aktiviti kerja bertemakan Tanggungjawab Sosial ke Kampung Gusung Melanta di Pulau Bum Bum di mana mereka melaksanakan kerja sosial bersama-sama penduduk kampung seramai 500 orang dalam bentuk aktiviti komuniti seperti gotong-royong dan sebagainya bagi memberi peluang kepada peserta menyelami sendiri kehidupan masyarakat di sana yang serba kekurangan berbanding di bandar.

Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals Program Training Sessions

IIM with the support of Petronas Management Training Sdn Bhd (PERMATA) via a smart partnership with the Sabah State Government, through INSAN organised the 8th Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles For Young Professionals (TSAZAIC) program from 19 to 24 July 2009 in Semporna, Sabah. The programme is named after the late Tan Sri Azizan Zainul Abidin, former Petronas Chairman, for his contributions. His conviction of values, ethics and life principles of integrity is the core of this programme. The 8th TSAZAIC Training was attended by 30 young executives between 25-35 years old selected through an integrity screening process from 120 candidates by IIM from various public, private, corporate and non-governmental organisations (NGO). The 8th TSAZAIC was officiated by Datuk Gregory Joitol, Deputy Secretary of the State, Sabah (Development) who represented the State Secretary of Sabah. At present, the total number of TSAZAIC alumni stands at 171. Programmes implemented in ADK (Activity in the Classroom) include interactive workshops, intellectual learning of ethical and integrity values conducted by expert facilitators through six intensive modules. The eighth TSAZAIC program is unique in that it introduces tenets of good values edified by resonating integrity from the late Tan Sri Azizan Zainul Abidin, through his life story via the “The Quintessential Man – the Story of Tan Sri Azizan Zainul Abidin” written by Azam Aris. Participants are also exposed to best practices in governance and social responsibility. A study visit to the TLDM Semporna Strategic Port gave meaning to “territorial integrity” through member perspectives. An exclusive meet regarding anti-corruption issues and ethical dilemmas with the Sabah Anti-corruption Commission (SPRM) representative was held during a visit to the Semporna District Office. They were given a presentation on the planned poverty eradication program in the Semporna district. The participants were also exposed to the real problems faced by the lower strata of Semporna society through a Social Responsibility activity in Kampung Gusung Melanta, at Pulau Bum Bum where they, along with 500 villagers organised a “gotong-royong” community project to give a chance to the participants to experience themselves the life of a community who are less fortunate compared to those in the cities.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES



Mesyuarat Agung Integrity Business Club (IBC)

Pada penghujung projek Jelajah Integriti 2008 yang berlangsung di Kampus Sultan Ahmad Shah, UNITEN Pahang, seramai 200 orang ahli IBC bersetuju mengadakan projek Jelajah Integriti 2009. Sebagai langkah awal, rancangan dibuat untuk mengadakan mesyuarat agung pertama IBC. Presiden IBC 2008, Mohd Sollehdin bin Sabtu, menawarkan kampus Universiti Teknologi Petronas (UTP) sebagai tuan rumah mesyuarat agung tersebut. Pada 21 Mac, seramai 150 orang ahli-ahli IBC lama dan baru daripada MSU, UNITAR Kelana Jaya dan Pulau Pinang, University of Nottingham, Semenyih dan UTP telah menghadiri mesyuarat tersebut, termasuk tiga orang wakil dan seorang pensyarah daripada Universiti Utara Malaysia. Setiap universiti membentangkan aktiviti tahunan mereka di kampus masing-masing. Sejurus selepas itu, pemilihan jawatankuasa baru IBC sesi 2009 dibuat. Setiap universiti telah mencadangkan satu projek usahasama untuk kesemua lima universiti, antaranya kempen "Save the Green Planet," (MSU), Kem Pecah Ais IBC (University of Nottingham Malaysia), Bengkel Jelajah Integriti 2009 (UNITAR) dan program lawatan kampus IBC seluruh negara bertajuk Jalinan Integriti.

Integrity Business Club (IBC) Annual General Meeting

At the conclusion of the Jelajah Integriti 2008 which was held at the Sultan Ahmad Shah Campus, UNITEN Pahang, 200 members of the Integrity Business Club agreed to organise the Jelajah Integriti 2009. On 21 March, a total of 150 old and new members IBC from MSU, UNITAR Kelana Jaya and Penang, University of Nottingham, Semenyih and UTP attended the first IBC AGM, including three representatives and one lecturer from Universiti Utara Malaysia. Each university reported their annual activities in their respective campus after which the selection of the new Integrity Business Club committee for the 2009 session was held. Each university also proposed one collaborative project for all the five universities, including the "Save the Green Planet," campaign (MSU), The IBC Ice Breaking Camp (University of Nottingham Malaysia), Jelajah Integriti Workshop 2009 (UNITAR) and an IBC campus visit throughout the country entitled Jalinan Integriti.



Bengkel Kerja Jelajah Integriti 2009

Jawatankuasa baru IBC 2009 memutuskan bengkel kerja untuk projek Jelajah Integriti 2009 bersama lima universiti dianjurkan. Pada 28 Ogos 2009, seramai 25 orang peserta termasuk dua orang wakil Rebung Alumnus Club dan lima peserta baru daripada UiTM Seri Iskandar menghadiri bengkel tersebut. Setiap sesi dikelola sendiri oleh ahli jawatankuasa IBC 2009 dengan bantuan pegawai IIM. Di akhir sesi, IBC telah membentangkan rangkakerja awal kepada Pengarah Sektor Swasta dan Timbalan Presiden IIM yang memberi maklumbalas dan cadangan penambahbaikan kepada IBC. Sijil penyertaan diberikan di akhir bengkel ini.

Jelajah Integriti Workshop 2009

The new committee of the Integrity Business Club 2009 agreed that the workshop with five universities for Jelajah Integriti 2009 to be organised. On 28 August 2009, 25 participants including two representatives from the Rebung Alumnus Club and five new participants from UiTM Seri Iskandar attended the workshop. Each session was conducted by the IBC 2009 committee itself, assisted by private sector officers. At the end of the session, IBC presented the framework proposal to the IIM Private Sector Director and Vice President who provided feedback and improvement suggestions to IBC. Certificates of participation were handed out at the end of this workshop.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Projek Jelajah Integriti 2009 di Rancangan Penempatan Semula Air Banun. Gerik, Perak

Hasil gabungan kerjasama berpadu Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Bahagian Pendidikan Khas (Kementerian Pelajaran Malaysia), Pejabat Kesihatan Negeri Perak, GiatMARA Gerik, Bahagian Pendidikan Menengah (MARA) dan Maktab Rendah Sains MARA Gerik dengan sokongan Kelab Veteran Komando 69, IIM telah mengadakan siri kedua Jelajah Integriti 2009 bertempat di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Air Banun dari 4 hingga 6 Disember, 2009. Projek ini membawa tema tahun lepas, "Alam Lestari, Integriti Asli", namun pendekatan projek 2009 lebih kepada aspek pendidikan yang dilihat sebagai cara terbaik memperbaiki status ekonomi orang asli yang mundur di Perak, berdasarkan objektif keempat institusi ekonomi PIN iaitu "Pengukuhan perpaduan antara kaum dan antara wilayah melalui aktiviti ekonomi". Susulan projek pertama di Muadzam Shah, Pahang pada 14 hingga 16 Disember 2008, projek ini membabitkan 39 orang ahli IBC dari Management & Science University (MSU), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Tenaga Nasional(UNITEN), Kampus Sultan Ahmad Shah (KSAS), Pahang dan UiTM Seri Iskandar, Perak. Enam belas wakil pelajar daripada MRSM Jeli, Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggung melengkapkan lapisan fasilitator bersama-sama dengan IBC yang menjadi penggerak utama aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Dua wakil Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals, selaku penasihat IBC, turut serta mengetuai rombongan yang masuk ke kawasan Air Banun. Kerja-kerja penyediaan berlangsung selepas perancangan projek bermula pada bulan Ogos diikuti dengan mesyuarat penyelarasan jawatankuasa induk yang diterajui oleh SUK Perak dan Majlis Daerah Gerik. Urusetia tiba di MRSM Gerik pada sebelah petang untuk kerja-kerja penyediaan dan pembahagian kerja dan kelengkapan terakhir. Lima orang ahli kelab Veteran Komando turut menjadi bapa angkat kepada peserta. Peserta berpecah kepada tiga kumpulan yang menjalankan pelbagai aktiviti seperti demonstrasi memasak, nasihat nutrisi, demonstrasi pembuatan kraftangan, pemeriksaan kesihatan, sumbangan makanan, acara sukan, motivasi dan sebagainya. Turut hadir sepanjang program ialah wakil Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajar Malaysia, Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bahagian Pendidikan Menengah Pendidikan dan Latihan MARA.

Jelajah Integriti 2009 Project at the Air Banun Relocation Program. Gerik, Perak

As the result of concerted effort of the Perak State Secretary and the Orang Asli Affairs Department (JHEOA), the Special Education Unit (Ministry of Education), Perak Health Department, GiatMARA Gerik, the Secondary Education Unit (MARA) and Mara Junior Science College Gerik with the support of the 69 Commando Veteran Club, IIM held its second series of Jelajah Integriti 2009 at the Air Banun Relocation Program (RPS) from the 4 to 6 December, 2009. This project carried the theme from last year "Alam Lestari, Integriti Asli", although the approach for the 2009 project was focused more toward the education aspect which is seen to be the best method to improve the economic status of the indigenous people in Perak, based on the fourth objective of the National Integrity Plan, i.e. "The Strengthening of Unity between Races and Territories through Economic Activities". As a follow-up to the first project in Muadzam Shah, Pahang held on the 14 to 16 December 2008, this project involved 39 members of the Integrity Business Club from the Management & Science University (MSU), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Sultan Ahmad Shah Campus (KSAS), Pahang and UiTM Seri Iskandar, Perak. A total of 16 student representatives from MRSM Jeli, Pengkalan Hulu, Gerik and Lenggung completed the layers of facilitators together with the IBC who became the prime movers of the planned activities. Two representatives from the Tan Sri Azizan Zainul Abidin Integrity Circles for Young Professionals, in their capacity as IBC advisors, also led the way to the Air Banun area. Preparation work commenced after the project planning started in August, followed by the steering committee meeting led by the Perak State government and Majlis Daerah Gerik. The members arrived at MRSM Gerik early to set up and delegate and complete final preparations before the project began the next day. Five Veteran Commandos became the participants' foster fathers. The participants were divided into three groups responsible for the execution of various activities such as cooking demonstration, nutrition advice, handicraft making demonstration, medical examination, food donations, sports activities, motivation and etc. Also present throughout the programme were representatives from the Special Education Unit, Education Policy and Planning Division, Ministry of Education and Secondary Education Unit, MARA Training and Education Division.

Forum Berhubung Integriti Korporat, Tadbir Urus Korporat Dan Tanggungjawab Korporat: Cabaran Di Abad Ke-21

Selaras dengan kandungan Memorandum Persefahaman (MoU) antara IIM dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang dimeterai pada 7 Ogos 2009, IIM menganjurkan bersama dua program pemantapan integriti korporat yang menyasarkan peserta-peserta dari kalangan syarikat-syarikat multinasional, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat yang tersenarai, industri kecil dan sederhana, agensi dan jabatan kerajaan berkaitan, pihak-pihak berkepentingan, usahawan, peniaga, ahli dewan perniagaan, masyarakat pengguna, tenaga pengajar dan penuntut pusat pengajian tinggi. Program ini dijayakan dengan kerjasama Urus Setia Integriti dan Kualiti Negeri Kelantan (UIKNK) dan bertujuan meningkatkan tahap integriti korporat dan aspirasi SSM ke arah memperkuuhkan amalan tadbir urus korporat negara dan menyemai amalan tanggungjawab korporat di kalangan syarikat-syarikat di Malaysia. Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Kontraktor Binaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dijemput untuk pembentangan “Pemantapan Kualiti Dan Produktiviti Industri Pembinaan” disusuli oleh Haji Ahmad Fadzil Mahmud Timbalan Ketua Pengarah 1 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan pembentangan beliau bertajuk “Lonjakan Daya Saing Niaga Melalui Kreativiti Dan Inovasi”. Sesi kedua di bentang oleh Azryain Borhan, Pengarah Pembangunan Korporat dan Polisi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan pembentangan beliau bertajuk “Pengukuhan Aspek Tadbir Urus Korporat” disusuli Mantan Presiden MIA, Nik Hasyudeen dengan tajuk pembentangan beliau “Ke Arah Amalan Profesional Dalam Integriti Korporat”.

Forum on Corporate Integrity, Corporate Administration and Corporate Responsibility: Challenges in the 21st Century

In line with the contents of the Memorandum of Understanding (MoU) between IIM and the Companies Commission of Malaysia (CCM) signed on 7 August 2009, IIM jointly organised two programmes to strengthen corporate integrity targeting participants from multinational companies, government linked companies (GLC), public-listed companies, small and medium size companies, related government agencies and departments, stakeholders, businessmen, traders, members of chambers of commerce, consumer communities, the teaching workforce and students of higher education institutions. This programme was organised with the cooperation of the Kelantan Quality and Integrity Secretariat (UIKNK) with the objective of improving the level of corporate integrity and aspiration of CCM towards strengthening the country's corporate administration practices and sowing the seeds of corporate responsibility among companies in Malaysia. The General Manager of the CIDB was invited to present "The Stabilising of Quality And Productivity in the Construction Industry" followed by Haji Ahmad Fadzil Mahmud, the Deputy Director General of the Malaysian Productivity Council with his presentation entitled "Leap-Forwarding Business Competitiveness Through Creativity and Innovation". The second presentation session saw Azryain Borhan, the Director of Corporate and Policy Development of CCM with his presentation entitled "Strengthening Aspects of Corporate Administration" followed by former MIA President, Nik Hasyudeen with his presentation entitled "Toward Professional Practices in Corporate Integrity".

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

SEKTOR SOSIOBUDAYA SOCIO-CULTURAL SECTOR

Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institusi Pengajian Tinggi

Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2009 anjuran IIM dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) yang telah dipelopori sejak tahun 2005 diteruskan lagi dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai tuan rumah. Debat yang diadakan selama lima hari, dari 15 hingga 19 Mei 2009 itu disertai 36 pasukan yang mewakili 19 IPT dan melibatkan 144 orang pendebat. Tema pertandingan pada kali ini ialah “Integriti Teras Pembangunan Mapan”.

Johan pertandingan Debat Perdana Integriti bagi tahun 2009 ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang membawa pulang Piala Pusingan Perdana Menteri, sebuah piala iringan berserta wang tunai RM6,000, manakala Naib Johan pula dimenangi oleh pasukan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membawa pulang sebuah piala iringan berserta wang tunai RM4,000. Pendebat terbaik pula adalah pendebat dari UiTM. Sejak dilaksanakan lima tahun lepas, rekod keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Tahun Year	Johan Pertandingan <i>Competition Champion</i>	Naib-Johan <i>Runners-up</i>
2005	Universiti Islam Antarabangsa	Universiti Teknologi Malaysia
2006	Universiti Malaya	Universiti Teknologi Malaysia
2007	Universiti Teknologi Mara	Universiti Malaya
2008	Universiti Malaya	Universiti Tenaga Nasional
2009	Universiti Teknologi Mara	Universiti Kebangsaan Malaysia

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Hj. Omar bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengajian Tinggi, mewakili Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Perdana Debate on Integrity between Institutes of Higher Learning

The 2009 Perdana Debate on Integrity between Institutes of Higher Learning (IPT), collaboratively organised by IIM and the Malaysian Universities Debating Council (MADUM) held since 2005 was continued with Universiti Teknologi Mara (UiTM) being the host. The debate, held over five days, from 15 to 19 May 2009 saw 19 IPTs represented by 36 teams and a total of 144 debaters. The competition's theme this year was "Integrity at the Core of Robust Development".

The champion of the Perdana Integrity Debate for 2009 was Universiti Teknologi MARA (UiTM) which brought home the Prime Minister's Challenge Trophy, an accompanying trophy and RM6,000 cash, while the runners-up from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) brought home RM 4,000 in cash and an accompanying trophy. The best debater title was won by UiTM. Since the debate was launched five years ago, the results record has been as follows:

The opening and prize-giving ceremonies were officiated by Datuk Hj. Omar Bin Abdul Rahman, Deputy Secretary General (Management), Ministry of Higher Education, representing the Minister of Higher Education, Malaysia.

Ceramah Integriti Untuk Pelajar Baru IPTA dan IPTS Terpilih

Bagi menimbulkan kesedaran tentang kepentingan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan warga IPT, pihak IIM telah mengambil inisiatif menjemput kesemua 20 IPTA, 27 Politeknik, 42 Kolej Komuniti dan 14 IKBN/IKTBN untuk bekerjasama bagi memastikan agar kesemua pelajar baru yang memasuki sesi pengajian pada bulan Januari 2009 dan Jun/Julai 2009 diberikan taklimat selama dua jam mengenai topik Integriti Warga Pelajar IPT. Taklimat tersebut telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Di sepanjang tahun 2009 sahaja, pihak IIM telah menghantar para penceramah menjelajah ke seluruh tanahair untuk menyampaikan ceramah integriti kepada pelajar-pelajar baru di 65 buah IPTA dan IPTS terpilih melibatkan seramai 67,992 pelajar baru, menjadikan jumlah pelajar yang telah didedahkan dengan ceramah integriti melebihi 200,000 orang. Bagi memenuhi jemputan ceramah secara serentak dari semua IPTA/IPTS ini dan memandangkan bilangan penceramah dari kalangan pegawai IIM terhad, IIM telah mendapatkan khidmat penceramah undangan daripada Institut Integriti Negeri (IIN) serta penceramah undangan dari luar untuk membantu.

Pertandingan Menulis Esei Integriti Peringkat Sekolah Menengah

Sebagai salah satu usaha menarik minat dan kesedaran yang mendalam tentang agenda pengukuhan integriti negara, IIM telah mengadakan Pertandingan Menulis Esei Integriti peringkat sekolah menengah.

Tempoh tarikh penghantaran esei adalah daripada 1 November 2008 sehingga 22 Januari 2009 dan keputusan pertandingan hanya diketahui pada bulan Julai 2009.

Bagi pertandingan ini, dua kategori telah diwujudkan, iaitu kategori A khusus untuk pelajar Tingkatan 1-3 dan kategori B untuk pelajar Tingkatan 4-5.

Penyampaian hadiah bagi kedua-dua kategori pemenang telah dibuat di dalam satu perhimpunan khas di mana wakil-wakil dari pegawai kanan IIM telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang di sekolah-sekolah terlibat pada bulan Julai 2009. Para pemenang kedua-dua kategori pertandingan adalah seperti berikut:

Integrity Talk for New Students of selected IPTAs and IPTS

In an effort to create awareness on the importance of appreciating good values amongst IPTA students, IIM took the initiative of contacting all 20 IPTAs, 27 Polytechnics, 42 Community Colleges and 14 IKBN/IKTBN to ensure that all new students who started the January 2009 and June/July 2009 sessions were given a two-hour briefing on "The Integrity of IPT Students". The talks have been conducted since 2005. Throughout the year 2009, IIM sent its speakers all over the nation to deliver integrity talks to 67,992 new students at 65 selected IPTAs and IPTS, bringing the total number of students exposed to the talks exceeding 200,000. In order to fulfill the simultaneous invitations from all the IPTAs/IPTS with a limited number of speakers from IIM, the secretariat obtained assistance from state Institutes of Integrity and guest speakers.

Essay Writing Competition on Integrity for Secondary School Level

To promote interest and a deep awareness of the agenda of reinforcing integrity in this country, IIM's Sociocultural Sector continued to organise Integrity Essay Writing Competitions for the secondary school level.

Two categories were created for the secondary school level competition; category A for Form 1-3 students and category B for Form 4-5 students. The essay submission date was between 1 November 2008 to 22 January 2009 and the results were announced in July.

The prize-giving ceremony for both categories of winners was held in July 2009 at a special gathering graced by the representatives of the Institute's senior officers who presented the prizes:

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Kategori A Tingkatan 1-3 Category A Form 1-3

Bil No	Kedudukan Position	Nama Pemenang Name of Winner	Hadiah Prizes
1.	Johan <i>Champion</i>	Nur Izzati bt Abdul Aziz Sek.Men. Ade Putra, Masjid Tanah,Melaka	RM1,500
2.	Naib Johan <i>Runner-up</i>	Waeiuddin bin Mohd Rodzi MRSMP Pendang, Pendang, Kedah	RM1,200
3.	Tempat Ketiga <i>Third Place</i>	Siti Nor Adibah bt Syed Ramli Sek.Men.Sains Selangor Cheras,Kuala Lumpur	RM1,000

Kategori B Tingkatan 4-5 Category B Form 4-5

Bil No	Kedudukan Position	Nama Pemenang Name of Winner	Hadiah Prizes
1.	Johan <i>Champion</i>	Wan Norazmizi bin Wan Mahmood Sek.Men.Keb. Seksyen 24, Shah Alam, Selangor	RM2,000
2.	Naib Johan <i>Runner-up</i>	Rabiatal Adawiyah bte Mamat MRSMP Kuantan, Pahang, Pahang	RM1,500
3.	Tempat Ketiga <i>Third Place</i>	Muhammad Afy Fatquhuddin bin Mazlan MRSMP Serting Bandar Sri Jempol,Negeri Sembilan	RM1,000

Hadiah sugu hati bernilai RM100 setiap satu telah diberikan untuk 10 eseji terbaik dari setiap kategori.

Bagi pertandingan tahun 2009, satu bengkel bagi memilih tajuk dan skema pemarkahan telah diadakan di mana seramai 20 orang wakil warga guru dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSMP) telah terlibat dalam sesi percambahan fikiran selama sehari itu.

Consolation prizes valued at RM100 each were given away for the 10 best essays from each category.

In 2009, a workshop was held to decide on the topic and marking scheme, where 20 representatives of the teaching fraternity from the Federal Territory Education Department and MRSMP were involved in the day long brainstorming session.

Seminar Integriti Untuk Pemimpin Masyarakat Peringkat Akar Umbi

Bagi melaksanakan agenda pengukuhan integriti para pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi, IIM telah melaksanakan program pengukuhan integriti yang melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat kampung khususnya Ahli-Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).

Seminar setengah hari itu telah diisi dengan dua slot ceramah bertajuk “Pelan Integriti Nasional - Penilaian & Halatuju” dan “Peranan Ketua Kampung Dalam Pengukuhan Integriti” yang bertujuan memberikan maklumat mengenai agenda pengukuhan integriti negara dan peranan yang boleh dimainkan bagi menjayakan aspirasi kerajaan. Sebanyak lima siri program di peringkat negeri telah diadakan seperti berikut:

Integrity Seminar for Grassroots Level Community Leaders

To execute the agenda of strengthening integrity in grassroots community leaders, IIM conducted integrity strengthening seminars involving community leaders at the village level, specifically targeting the Village Safety and Development Committee (JKKK) members.

The half day seminar was filled with two talks entitled “National Integrity Plan – Evaluation and Direction” and “The Role of Village Heads in Strengthening Integrity” designed to provide information about the nation’s integrity strengthening agenda and the roles that community leaders can play to make the government’s aspiration a success. A total of five series of the programme were held at the state level as follows:



LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Bil No	Negeri State	Tarikh Date	Penceramah Jemputan Guest Speaker	Perasmian oleh Officiated by
1	JKKKP Kedah	28 Jun 2009	Prof. Datuk Dr. Mohd Yusof Othman Pengarah Institut Islam Hadhari, UKM <i>Director</i> <i>Islam Hadari Institute, UKM</i>	YAB Dato' Seri Haji Azizan bin Abdul Razak Menteri Besar Kedah
2.	JKKKP P. Pinang	14 Julai 2009	Dato' Mohd Salleh Rafie Mantan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia <i>Former Director-General</i> <i>Information Department of Malaysia</i>	Tuan Haji Nik Mohd Ali Pengarah Pembangunan Pulau Pinang, JPM <i>Director</i> <i>Penang Development, JPM</i>
3.	JKKKN Kedah	28 Julai 2009	Prof. Madya Datuk Mohd Ali Hassan Pengerusi Majlis Pemuafakatan PIBG Kebangsaan <i>Chairman</i> <i>National PTA Collaborative Council</i>	Tuan Haji Hiadzir bin Md.Zain Pengarah Pembangunan Kedah, JPM <i>Director</i> <i>Kedah Development, JPM</i>
4.	JKKKN P. Pinang	15 Ogos 2009	Datuk Zainal Abidin Borhan Pengarah Akademi Pengajian Melayu, UM <i>Director</i> <i>Malay Studies Academy, UM</i>	YB. Dr. Mansor bin Othman Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang <i>Deputy Chief Minister 1</i> <i>Penang</i>
5.	JKKKN Sarawak	27 Oktober 2009	Dato' Mohd Salleh Rafie Mantan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia <i>Former Director-General</i> <i>Information Department of Malaysia</i>	Dato' Seri Wong Soon Koh, Menteri Kesihatan dan Alam Sekitar Sarawak <i>Minister of Environment and Public Health Sarawak</i>



Selain dari program di atas, IIM juga telah bekerjasama dengan mengisi slot ceramah untuk program Pembangunan Pemimpin Masyarakat Negeri Sembilan yang diadakan di Tiara Beach Resort , Port Dickson pada bulan Julai 2009.

IIM telah membantu pengisian ceramah integriti bagi program Ketua Kampung anjuran IIN Johor peringkat daerah di Segamat, Kulai Jaya, Mersing dan Muar sepanjang tahun 2009.

Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional

Buat kali ketiga, IIM dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, telah menjalankan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) bagi mengukur tahap persepsi integriti masyarakat Malaysia. Bagi tahun 2009, seramai 13,840 responden telah dijadikan sampel kajian. Untuk menjayakan kajian ini, beberapa siri bengkel pemurnian soalan, kaedah pengiraan indeks dan perancangan operasi kajian telah diadakan di Kuala Terengganu, Melaka dan Sepang Selangor.

Pada tahun ini, satu indeks baru iaitu Indeks Persepsi Integriti Media telah diperkenalkan bagi mengukur persepsi masyarakat terhadap tahap integriti media di negara ini. Untuk menjayakan kajian ini, satu sesi perbincangan dengan para pengamal media yang dipengerusikan oleh Datuk A. Kadir Jasin, Pengurus Eksekutif, Berita Publishing Sdn Bhd telah diadakan.

Dalam pada itu, dapatan kajian IPIN 2008 telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada 3 Februari 2009 sementara keputusan kajian tahun 2009 akan dibentangkan pada mesyuarat yang sama awal tahun depan.

IIM assisted by providing a guest speaker for the Negeri Sembilan Community Leaders Development programme held at the Tiara Beach Resort, Port Dickson in July 2009.

The Sociocultural Sector also assisted in providing speakers for integrity talks for Village Head programmes organised by the Johor State Institute of Integrity for the district levels in Segamat, Kulai Jaya, Mersing and Muar during the year.

National Integrity Perception Index Study

For the third consecutive year, IIM, with the cooperation of the Department of Statistics conducted the National Integrity Perception Index (NIPI) study to measure the Malaysian society's perception of integrity levels. For the year 2009, 13,840 respondents were selected as study samples. In order to make this study a success, a series of workshops on fine tuning questions, index calculation methods and planning the study operations were held in Kuala Lumpur, Terengganu, Melaka and Sepang, Selangor.

This year, a new index, the Media Integrity Perception Index, was introduced to measure society's perception towards the level of media integrity in the nation. To add to the success of the study, a discussion session with the media practitioners chaired by Datuk A. Kadir Jasin, Executive Chairman of Berita Publishing Sdn Bhd was held.

The findings of the National Integrity Index 2008 study were presented to the Special Cabinet Committee on Integrity in Government Management (JKKMKPK) on 3 February 2009 while the 2009 results are scheduled to be presented at the same meeting early next year.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES



Kerjasama IIM Dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

Sepanjang tahun 2009, hasil daripada Memorandum Persefahaman yang ditandatangani antara IIM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada bulan Mac 2005 yang lalu, IIM telah menganjurkan lima siri program latihan Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) bagi kakitangan JPJ, menjadikan keseluruhannya 11 siri sejak dimulakan. Bagi mempertingkatkan tahap integriti warga pengajar Institut Memandu, sebanyak 14 siri ceramah integriti untuk calon-calon baru yang menduduki penilaian Sijil Pengajar Institut Memandu (SPIM) telah diadakan sepanjang tahun 2009 di seluruh negara.

IIM's Engagement With the Road Transport Department (JPJ)

Pursuant to the Memorandum of Understanding signed between IIM and the Road Transport Department (JPJ) in March 2005, the IIM organised five series of Development of Individuals and Organisations with Integrity (PIOB) training programmes for JPJ staff throughout 2009, giving a total of 11 series to date. To increase the level of integrity of Driving Institute instructors, a total of 14 series of integrity talks for new candidates sitting for the Driving Institute Instructors Certificate (SPIM) were held in 2009 throughout the nation.



Kerjasama IIM Dengan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM)

IIM telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM). Hasil daripada kerjasama dua hala ini, beberapa program telah diatur sepanjang tahun lalu iaitu:-

- i) Bantuan teknikal dari segi penggubalan Pelan Integriti JBPM;
- ii) Membantu melaksanakan empat sesi program TOT-PIOB bagi pegawai-pegawai kanan JBPM seramai 120 orang termasuk dua sesi yang diadakan di Sabah dan Sarawak; dan
- iii) Membantu pengisian sambutan Hari Kualiti dan Integriti JBPM di Melaka pada bulan November 2009.

Kerjasama untuk mengadakan program TOT-PIOB ini akan diteruskan pada tahun hadapan.

Cooperation With the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM)

Another Department which signed a Memorandum of Understanding with the IIM is the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM). As result of this two-way cooperation, the following programmes were held throughout the year:

- i) *Technical assistance in the formulation of the JBPM Integrity Plan;*
- ii) *Assistance in implementing four sessions of the TOT-PIOB programme for 120 JBPM senior officers, including two sessions held in Sabah and Sarawak; and*
- iii) *Assistance in providing input for JBPM Quality and Integrity Day in Melaka in November 2009.*

The collaborative efforts in holding the TOT-PIOB programmes will be continued throughout the coming year.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Pembudayaan Integriti Melalui Penerbitan Hebahana Khidmat Awam (PSA)

Usaha-usaha pembudayaan integriti telah diperkembangkan dengan penerbitan lima siri PSA dengan kerjasama Jabatan Kreatif & Artistik, UiTM. Kelima-lima PSA yang setiap satunya membawa mesej setiap Tekad Integriti ini telah diterbitkan.

Lima siri PSA yang telah terbitkan adalah seperti berikut:

1. Tekad 1 - Isu Rasuah
“Mantapkan Integriti, Rasuah Membawa Padah!”
2. Tekad 2 - Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Awam Rakyat, “Dokumen Lengkap, Pembayaran Cepat”
3. Tekad 3 - Melahirkan Golongan Peniaga Yang Beretika Tinggi
“Peniaga Tidak Berintegriti, Hukuman Menanti”
4. Tekad 4 - Isu Buli Di Sekolah
“Amalkan Integriti, Membuli Perbuatan Keji!”
5. Tekad 5 - Isu Vandalisme
“Amalkan Integriti, Hentikan Vandalisma!”

Penerbitan lima PSA baru ini telah ditayangkan di RTM untuk tempoh enam bulan dan tiga bulan di stesen-stesen televisyen swasta seperti Media Prima Berhad (TV3, NTV7 dan TV9), stesen Astro dan Bernama TV secara percuma sebagai sebahagian dari program tanggungjawab sosial korporat stesen televisyen berkenaan. Usaha-usaha untuk menerbitkan PSA yang baru akan diteruskan lagi pada tahun hadapan kerana ianya terbukti berkesan berdasarkan kajian yang menunjukkan terdapat lebih kurang 17 juta penonton televisyen di Malaysia pada ketika ini dan penayangan PSA tersebut akan membolehkan usaha-usaha pembudayaan integriti tersebar lebih luas.

Enculturation of Integrity Through Public Service Announcements (PSA)

Efforts towards the enculturation of integrity have expanded with the production of 5 series of PSA through collaboration with the UiTM Artistic and Creative Department. All five PSAs, each carrying the message of every Integrity Targets goal were produced.

The PSAs were as follows:

1. *Target 1- Issue of Corruption*
“Strengthen Integrity, Corruption Leads to Bad Consequences!”
2. *Target 2 - Increasing the Standard of Public Service in “Complete Documents, Fast Payment”*
3. *Target 3 - Producing Business People with Strong Ethical Values*
“Business Without Integrity Punishment Awaits”
4. *Target 4 - Issue of Bullying in Schools :Practise Integrity Bullying is Despicable!”*
5. *Target 5 - Issue of Vandalism*
“Practise Integrity. Stop Vandalism!”

The new PSAs will be aired on RTM for six months and three months respectively on private television stations such as Media Prima Berhad (TV3, NTV7 and TV9), Astro and Bernama TV for free as part of the station’s Corporate Social Responsibility programme. Efforts to produce new PSAs will be continued next year as they are proven effective based on studies which show that there are currently 17 million TV viewers in Malaysia. The PSA screenings will ensure the efforts towards the enculturation of integrity are intensified.

Program Pengukuhan Integriti Untuk Belia

Bagi menjelaki golongan belia yang jumlahnya menjangkau 11.8 juta atau 41% dari penduduk negara ini, beberapa program telah diadakan melibatkan golongan belia di seluruh negara. Antara program-program yang telah diadakan ialah:

- i) Seminar Pengukuhan Integriti Belia, anjuran bersama dengan Sahabat Belia Negeri Melaka;
- ii) Seminar Memperkasakan Belia Negara anjuran bersama Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PPKIM);
- iii) Seminar Pengukuhan Integriti Belia Nelayan Negeri Kelantan anjuran bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan;
- iv) Seminar Pengukuhan Integriti Ahli Majlis Pembangunan Terengganu (APMT) anjuran bersama Pejabat Menteri Besar Terengganu dan IIN Negeri Terengganu;
- v) Seminar Pemimpin Pelajar Negeri Kelantan anjuran bersama IIN Negeri Kelantan; dan
- vi) Bengkel Integriti Belia Perdana, Kuantan, Pahang.

Integrity Strengthening Programmes for Youths

In an effort to track youths who currently number 11.8 million or 41 % of the population of this country, various programmes were held involving youths across the nation. Some of the programmes organised were:

- i) *Seminar on Strengthening Integrity for Youths cooperation with the Melaka Friends of Youth;*
- ii) *Seminar to Empower the Youth of the Nation, jointly organised with the National Muslim Students Union Malaysia (PPKIM);*
- iii) *Seminar on Strengthening Integrity for Young Fishermen, Kelantan, jointly organised with the Kelantan Government State Secretary's Office;*
- iv) *Seminar on Strengthening Integrity for Terengganu Development Council Members (APMT), jointly organised with the Terengganu Menteri Besar's office and Terengganu IIN;*
- v) *Seminar for Kelantan Student Leaders, jointly organised with the Kelantan IIN; and*
- vi) *Perdana Youth Integrity Workshop, Kuantan, Pahang.*

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Konvensyen Integriti Belia 2009

Setelah beberapa siri perbincangan dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia Dan Sukan dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Negara (IPPBN) diadakan, IIM telah mengadakan Konvensyen Integriti Belia pada 24 November 2009 dengan tema “1 Malaysia Belia Berintegriti” bersempena dengan sambutan Hari Integriti Nasional. Konvensyen sehari ini telah dihadiri seramai 500 orang perwakilan belia. Konvensyen ini diisi dengan pembentangan kertas kerja oleh Dr. Sarjit Singh, Fellow Utama IPPBN, Tuan Hj. Zakariah Md. Sam, Ketua Pegawai Operasi IPPBN, Prof. Madya Dr. Mohd Fadhil Che Din, Ketua Eksekutif, Institut Sosial Malaysia, Rasaselvan, Tokoh Belia Negara 2008 (Lelaki) dan Noorlina Mohd Yusuf, Tokoh Belia Negara 2008 (Wanita). Selain itu, satu sesi bengkel telah diadakan di mana setiap kumpulan bengkel telah membincangkan resolusi-resolusi bagi memperkasakan integriti belia negara. Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah hadir di majlis penutup konvensyen ini.

Youth Integrity Convention 2009

Following a series of discussions with the Malaysian Youth and Sports Department, Ministry of Youth and Sports and National Youth Research and Development Institute (IPPBN), IIM planned to hold a Youth Integrity convention in November 2009 in conjunction with the National Integrity Day celebrations. The day long convention was attended by 500 youth delegates. The convention showcased presentations by Dr. Sarjit Singh, Principal Fellow IPPBN, Tuan Hj. Zakariah Md. Sam, IPPBN Chief Operations Officer and Assoc. Prof Dr. Mohd Fadhil Che Din, Chief Executive, Malaysian Social Institute, Rasaselvan, National Youth Award Winner 2008 (Male) and Noorlina Mohd Yusuf, National Youth Award Winner 2008 (Female). Additionally, a workshop was held where each workshop participant discussed resolutions for strengthening the integrity of the nation's youth. The closing ceremony was graced by the Deputy Youth and Sports Minister.





Program Pengukuhan Integriti Untuk Institusi Agama

Salah satu daripada kumpulan sasaran dalam PIN adalah institusi agama. Sejajar dengan itu, IIM telah mengadakan beberapa siri usaha sama dengan beberapa agensi yang berkaitan. Antara program-program yang telah diadakan sepanjang tahun 2009 ialah:

- i) Seminar Pengukuhan Integriti Imam dan Nazir Masjid Daerah Batu Gajah, Perak;
- ii) Seminar Pengukuhan Integriti Beliawanis Masjid Daerah Gerik dan Lenggong, Perak;
- iii) Seminar Pengukuhan Integriti Imam dan Bilal Terengganu Siri 1;
- iv) Lawatan Imam dan Bilal Terengganu ke IIM (diisi dengan bengkel nilai murni).

Antara penceramah yang menjayakan keempat-empat sesi di atas ialah Encik Anuar Haji Ahmad, Pengurus Sektor Sosiobudaya, Ustaz Abdul Manan Ismail, Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, Tuan Hj. Ahmad Zaki Hj. Arsat, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Ustaz Hj. Mohd Radzi, Pengarah Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS).

Program pengukuhan integriti institusi agama melibatkan nazir masjid telah diteruskan melalui program usaha sama dengan pihak JAIS di ILDAS. Selain dari itu, IIM juga terlibat dalam membantu melaksanakan bengkel pengukuhan integriti para kakitangan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Integrity Strengthening Programmes for Religious Institutions

One of the target groups in the national Integrity Plan is the religious institution. In accordance with that, IIM held a series of collaborative efforts with relevant agencies. Some of the programmes organised throughout 2009 were:

- i) *Seminar on Strengthening Integrity for Imams and District Mosque Inspectorates, Batu Gajah, Perak;*
- ii) *Seminar on Strengthening Integrity for Young Women, Gerik and Lenggong, Perak District Mosques;*
- iii) *Seminar for Strengthening Integrity for Terengganu Imams and Muezzins Series 1;*
- iv) *Visit of Terengganu Imams and Muezzins to IIM (for workshop on good values).*

Some of the speakers involved in making the sessions a success were Anuar Haji Ahmad, Sociocultural Sector IIM; Ustaz Abdul Manan Ismail, Senior Lecturer, Universiti Sains Islam Malaysia, Tuan Hj. Ahmad Zaki Hj Arsat, Deputy Director General, Dakwah Division, JAIS and Ustaz Hj. Mohd Radzi, Director, Selangor Institute of Dakwah Training (ILDAS).

The integrity strengthening programme for religious institutions involving mosque inspectors was continued through joint programmes with the Selangor Islamic Department in ILDAS. In addition to that, the IIM was also involved in conducting an integrity strengthening workshop for the staff of the Malaysian Islamic Dakwah Foundation (YADIM).

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Gerakan Pemantapan Integriti Golongan Pelajar

Antara usaha yang dicadangkan adalah memasukkan elemen-elemen integriti ke dalam kurikulum pembelajaran di semua peringkat pengajian dari peringkat pra sekolah, sekolah ke IPT. Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan melibatkan :

- i) Kumpulan pakar yang terdiri daripada tokoh-tokoh pendidikan negara seperti Tan Sri Dr. Wan Zahid Nordin, Datuk Dr. Mohd Shukor Abdullah, Datuk Abdul Rauf Husin dan lain-lain telah dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang.
- ii) Kumpulan stakeholders iaitu mereka yang akan menerima kesan daripada sebarang perubahan dasar pendidikan negara iaitu wakil-wakil NUTP, Persatuan Ibu Bapa & Guru-Guru (PIBG) dan wakil NGO pendidikan yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Datuk Mohd Ali Hassan, Pengurus Majlis Pemuafakatan PIBG Kebangsaan;

Integrity Strengthening Movement for Students

Some of the efforts in this area include the future inclusion of elements of integrity into the curriculum at all levels, from preschool to higher institutions of learning. In view of that, a series of discussions were held involving :

- i) *A group of experts made up of prominent national educational figures such as Tan Sri Dr. Wan Zahid Nordin, Datuk Dr. Mohd Shukor Abdullah, Datuk Abdul Rauf Husin and many others, chaired by Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang.*
- ii) *The stakeholders who will bear the effects from any change in the National Educational Policy. They included NUTP representatives, Parent Teacher Associations and representatives of educational NGOs chaired by Assoc Prof Datuk Mohd Ali Hassan, Chairman, National PIBG Collaborative Council;*





- iii) Mesyuarat antara Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara ;
- iv) Mesyuarat dengan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi membincangkan pendekatan dari segi pelaksanaan agenda penerapan nilai-nilai integriti di kalangan warga pelajar dari semua peringkat pembelajaran.

Usaha gerakan pemantapan integriti golongan pelajar ini akan diteruskan pada tahun 2010.

- iii) *Meeting between the Secretary General of Ministry of Education and Secretary General of the Ministry of Higher Education chaired by the Chief Secretary to the Government ;*
- iv) *Meeting with the Senior Officers from the Ministry of Education and Ministry of Higher Education to discuss approaches related to the implementation of the agenda to instill integrity values in students at all levels.*

The efforts to strengthen integrity among students will continue into 2010.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

SEKTOR POLITIK POLITICAL SECTOR



Seminar Kepimpinan Politik Ke Arah Membantu Masyarakat Berintegriti

IIM dengan kerjasama Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Melaka (INSPIM) telah menganjurkan seminar “Kepimpinan Politik Ke Arah Membantu Masyarakat Berintegriti” di Melaka pada 27 Disember 2009. Program yang berlangsung selama setengah hari ini telah dihadiri 154 peserta dari parti-parti komponen Barisan Nasional. Dua ahli panel dijemput, iaitu Dr. Chandra Muzaffar, Pengurus Yayasan 1Malaysia, dengan pembentangannya bertajuk “Pembentukan 1 Malaysia: Isu dan Cabaran” dan Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian yang membawa topik “Peningkatan Integriti Dalam Institusi Politik : Isu, Cabaran dan Penambahbaikan”.

Seminar on Political Leadership Towards a Society with Integrity

IIM with the cooperation of the Melaka Institute of Management and Integrity (INSPIM) organised the “Seminar on Political Leadership Towards a Society with Integrity” in Melaka at the end of the year. The half day programme was attended by 154 participants from the Barisan Nasional component parties. Two panelists were invited, Dr. Chandra Muzaffar, Chairman of 1Malaysia Foundation, with his presentation entitled “Formation of 1Malaysia: Issues and Challenges” and Prof. Dr. Sivamurugan Pandian who discussed “Enhancing Integrity in Political Institutions: Issues, Challenges and Improvements”.

Forum Integriti Kepimpinan Politik PEMUDA dan WANITA Barisan Nasional Negeri Johor

IIM dan Institut Integriti, Kepimpinan dan Latihan Semangat Negeri Johor (IKLAS) telah mengadakan satu Forum Kepimpinan Politik PEMUDA dan WANITA Barisan Nasional Negeri Johor bertempat di Johor pada bulan November 2009. Program yang dihadiri seramai 194 peserta ini telah mengetengahkan tiga orang ahli panel. Pembentangan pertama oleh Pengarah Sektor Politik, Mark Noel Bonchol, bertajuk "Pemantapan Integriti Masyarakat Malaysia: Penggembangan Bersepadu Menjayakannya". Pembentangan kedua telah disampaikan oleh En. Norizan Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif INMIND dengan tajuk "Keutuhan Bangsa dan Negara Di tanganmu: Isu dan Cabaran". Sesi forum bertajuk "Memastikan Integriti Politik Bersih: Peranan dan Tanggungjawab Pemuda dan Wanita" pula disampaikan oleh Timbalan Ketua Pemuda UMNO Malaysia merangkap Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta wakil dari Wanita MCA dan Pemuda MIC. Program diakhiri dengan satu pembentangan resolusi dan penyampaian sijil.

Forum on Integrity of Political Leadership for Johor Barisan Nasional WOMEN and YOUTH

IIM and the Johor Institute of Integrity, Leadership and Outbound Training (IKLAS) held a Johor Barisan Nasional Youth and Women Wings Political Leadership Forum in Johor last November. The programme was attended by 194 participants, highlighting three panelists. The first presentation, by Mark Noel Bonchol, IIM Political Sector Director, touched on "Strengthening the Integrity of Malaysians: Pooling Together Towards Success". The second presentation was delivered by Norizan Sharif, Chief Executive Officer of INMIND, touching on "The Strength of the United Country is in Your Hand: Issues and Challenges". The next forum session on "Ensuring Political Integrity: Roles and Responsibilities of Women and Youth" was conducted by the Deputy UMNO Youth Chief cum Deputy Youth and Sports Minister and representatives from the MCA Women and MIC Youth. The programme ended with the tabling of a resolution and the conferring of certificates.



LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Forum Kepimpinan Integriti Politik dan Masyarakat untuk peringkat Akar Umbi bagi kawasan Parlimen Tumpat, Kelantan.

Satu forum untuk peringkat akar umbi bagi kawasan Parlimen Tumpat, Kelantan telah diadakan pada 12 November 2009 bertempat di Hotel New Pacific, Kota Bharu, Kelantan. Program ini merupakan kerjasama bersama Unit Urusetia Integriti Dan Kualiti Negeri Kelantan. Sesi Dialog Integriti pertama dalam forum ini bertemakan "Pemantapan Integriti Politik Negara: Isu dan Cabaran". Ahli panel pertama Prof. Aziz Bari, Pensyarah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia membawa tajuk "Budaya Politik Malaysia Perlukan Perubahan" manakala Dato' Haji Zakaria bin Hj. Jaffar, Timbalan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia membentangkan tajuk "Gejala Rasuah Dalam Politik: Sejauh Mana Masalah Kita?" Dialog Integriti kedua pula bertemakan "Hala Tuju Integriti Politik Negara" dan mengetengahkan beberapa ahli panel seperti Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah, Penganalisis Politik, Universiti Malaya yang membincang tajuk "Siapa Penentu: Rakyat atau Pemimpin?" Ahli panel yang terakhir bagi sesi dialog ini ialah Tn. Hj. Mustafar Ali, Timbalan Presiden IIM yang membincangkan isu tentang "Pembudayaan Integriti Negara".


Leadership Forum for Political and Societal Integrity, Tumpat Parliamentary Constituency, Grassroots Level.

A forum for the grassroots level of the Tumpat Parliamentary Constituency was held on 12 of November 2009 at the New Pacific Hotel, Kota Bharu, Kelantan. This programme was held in cooperation with the Kelantan Quality and Integrity Secretariat Unit. The first session of the Integrity Dialogue carried the following theme: Strengthening the Nation's Political Integrity: Issues and Challenges". The first panellist, Prof. Aziz Bari, UIAM Law Lecturer presented "The Need for Change in Malaysian Political Culture" while Dato' Haji Zakaria bin Hj. Jaffar, Deputy Commissioner, Corruption Prevention Commission, Malaysia spoke on "Corruption in Politics: What is the Extent of the Problem?" The second Integrity Dialogue highlighted "The Direction of Political Integrity in the Nation", with talks by panelists including Assoc. Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah, a Political Analyst from Universiti Malaya, whose topic was "Who Decides: The People or the Leaders?" The final speaker for this dialogue session was Hj Mustafar Ali, IIM Vice President who discussed about "The Enculturation of National Integrity".



**Forum Pemantapan Integriti Masyarakat Malaysia:
Peranan dan Tanggungjawab Pemimpin di
Peringkat Akar Umbi.**

Forum ini yang merupakan kerjasama antara Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah (INSPIN) bersama IIM diadakan pada hujung Oktober 2009 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Sungai Petani, Kedah. Program setengah hari ini dihadiri 140 orang peserta yang mewakili parti PKR dan PAS. Tajuk forum pada kali ini ialah “Pemantapan Integriti Masyarakat Malaysia: Peranan dan Tanggungjawab Pemimpin di Peringkat Akar Umbi”. Dua ahli panel yang dibawa pada kali ini ialah YB Tuan Haji Ahmad bin Kassim, Ahli Parlimen Kuala Kedah dan Prof. Dr. Abdul Aziz Bari, Pensyarah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Peserta diberikan beberapa tajuk untuk dibincangkan berkaitan peranan pemimpin akar umbi mewujudkan integriti dalam masyarakat; cara-cara mengatasi masalah masyarakat yang semakin tiada integriti dan kedudukan rumah tangga sebagai tempat paling asas mendidik anak-anak dalam mewujudkan masyarakat berintegriti.



Forum on Strengthening Integrity in Malaysian Society: The Role and Responsibility of Grassroots Leadership

The forum, a cooperation between the Kedah Institute of Management and Integrity (INSPIN) and the IIM Political Sector was held at the end of October 2009 at Hotel Seri Malaysia, Sungai Petani, Kedah. The half day programme was attended by 140 participants, from the PAS and PKR parties. The topic of the forum was “Strengthening Integrity in Malaysian Society: The Role and Responsibility of Grassroots Leadership” The two panelists invited were YB Tuan Haji Ahmad bin Kassim, Kuala Kedah Member of Parliament and Prof. Dr Abdul Aziz Bari, UIAM, Law Lecturer. Participants were given a few topics to be discussed regarding the roles of grassroots leaders in nurturing integrity in society; the ways to overcome the increasing problem of a society without integrity and the role of the family in providing the foundation for educating children towards creating a society with integrity.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Program Pengukuhan Integriti Kepimpinan Muda Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2009 Siri 2

Program ini merupakan kerjasama kali kedua IIM dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah diadakan pada 2 hingga 4 Oktober 2009 bertempat di IIM, melibatkan seramai 40 orang peserta. Antara tajuk yang dibentangkan ialah “Kepentingan Integriti Dalam Konteks Kepimpinan dan Pembangunan Negara”. “Agenda Membudayakan Integriti Dalam Politik: Isu dan Cabaran” yang disampaikan oleh Prof. Dr. Abdul Aziz Bari, Pensyarah Kuliyyah Undang-Undang, UIAM dan penyampaian oleh En. Anis Yusal Yusoff, Fellow Utama, Institut Kajian Etnik (KITA)), UKM yang bertajuk “Memperkasakan Mahasiswa dalam Aspek Perpaduan dan Kepimpinan”. Bagi setiap pembentangan tajuk-tajuk ini, satu perbincangan meja bulat bersama peserta telah diadakan. Satu kerja kumpulan untuk persediaan debat bagi hari ketiga program turut diadakan dengan tajuk “Rasuah Politik: Nilai Murni atau Perundungan sebagai Asas Kawalan?” Program diakhiri dengan ucapan penutup oleh Mark Noel Bonchol, Pengarah Sektor Politik diikuti acara penyampaian sijil kepada para peserta.

Integrity Strengthening Programme for Young Leaders University Sains Islam Malaysia (USIM) 2009 Series 2

This programme is the second joint cooperation with the Political Sector and Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 40 participants attended this 3 day programme held from the 2 to 4 October 2009 at the Malaysian Institute of Integrity. Some of the topics discussed include “The Importance of Integrity in the Context of Leadership and Nation building”. “Agenda to Enculturate Integrity in Politics: Issues and Challenges”, which were delivered by Prof. Dr. Abdul Aziz Bari, UIAM law lecturer and a presentation by Anis Yusal Yusoff, Principal Fellow, Ethnic Studies Institute (KITA), UKM on “Strengthening Graduates in Leadership and Unity,” For each presentation of the topics, a roundtable session with participants was held. A working group was also set up for a debate on “Political Corruption: Good Values or Laws as Primary Controls?” The programme was concluded with a speech by the Political Sector Director, Mark Noel Bonchol, followed by presentation of certificates.



Kursus Training Of Trainers (TOT) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Program yang berlangsung pada 27 hingga 30 September 2009 ini telah diadakan di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan dan dihadiri 40 orang peserta. Program ini adalah merupakan kerjasama antara IIM dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 8 September 2009 yang lalu. Menerusi memorandum ini, antara bantuan yang akan diberikan oleh IIM kepada JIM adalah kerjasama menerusi penyediaan kurikulum latihan dan pendidikan integriti bersama tenaga pakar. Program sepenuhnya bermula pada hari kedua di mana dua orang ahli panel telah dijemput menyampaikan ceramah pada tiga sesi iaitu Pengurus Sektor Politik dengan tajuk ceramah “Falsafah dan Konsep Integriti”. Sesi kedua dan ketiga telah disampaikan oleh PPj Zarizal Ahmad, Pegawai di Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM dengan tajuk ceramah “Pengenalan Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam” dan “Langkah-langkah Pencegahan Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam”. Pada hari ketiga, penceramah dari IIM membawa ceramah “Peranan Akujanji Dalam Mewujudkan Perkhidmatan Awam Berintegriti” serta “Integriti Pengurusan Kewangan”. Satu gerak kerja berkumpulan berkaitan dengan “Kepimpinan Melalui Teladan” juga diadakan. Di akhir program, satu sesi dialog bertajuk ‘Ke Arah Perkhidmatan Yang Lebih Cekap” disampaikan oleh tokoh jemputan iaitu Tan Sri Sulaiman Mahbob, Pengerusi MIDA dan diikuti majlis penutupan dan penyampaian sijil.

Training of trainers Course (TOT for Immigration Department of Malaysia(IDM))

The programme which ran from 27 to 30 September 2009 at the Bayu Beach resort was attended by 40 participants. It was a joint effort between IIM and the Immigration Department of Malaysia, which signed a Memorandum of Understanding (MoU) on the 8 Sept last year. In this memorandum, some of the cooperation to be given by IIM to the Immigration Department was through the preparation of the training curriculum and integrity education by the experts. The complete programme began on the second day where 2 panelists were invited to give talks for 3 sessions on the topics of “The Philosophy and Concepts of Integrity” and an introduction to the types of corruption in public service and steps needed to prevent them. On the third day, speakers from IIM gave talks on “The Role of the Undertaking Towards Public Service with Integrity” and “Integrity in Financial Management”. A workgroup on “Leadership by Example” was also organised. At the end of the programme, a dialogue session entitled “Towards Efficient Service” was conducted by Tan Sri Sulaiman Mahbob, Chairman of MIDA, followed by the closing ceremony and presentation of certificates.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Forum Kepimpinan Integriti Politik dan Masyarakat bagi peringkat Akar Umbi, Parlimen Kota Bharu, Kelantan

Forum yang dianjurkan dengan kerjasama Unit Urusetia dan Integriti Negeri Kelantan ini telah diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 13 Ogos 2009. Program ini telah dihadiri seramai 118 orang peserta yang terdiri daripada kepimpinan politik di peringkat Bahagian dan Cawangan Parti PAS. Datuk Husam Musa, Pengurus Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri Kelantan yang mewakili Menteri Besar Kelantan telah merasmikan forum ini. Ahli panel dari UIAM dan SPRM membentangkan tajuk "Budaya Politik Malaysia Perlukan Perubahan" dan "Gejala Rasuah Dalam Politik: Sejauh Mana Masalah Kita?". Program seterusnya disusuli dengan sesi soal jawab antara panel dan juga peserta.

Forum Pengukuhan Integriti Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Muar, Segamat, Tangkak dan Labis.

Bertempat di Gunung Ledang Resort, Tangkak, Johor pada 25 Julai 2009, forum ini dihadiri seramai 82 orang Ahli Majlis Berkuasa Tempatan Muar, Segamat, Tangkak dan Labis. Ia dibuka dengan ucapan aluan oleh Pengarah YWJ/Memangku Ketua Pentadbir Institut Integriti, Kepimpinan dan Latihan Semangat Johor (IKLAS). Tajuk pertama Forum Pengukuhan Integriti ini, "Peranan Ahli Majlis Dalam Membantu Mengelakkan Sistem Penyampaian Yang Berintegriti Dari Perspektif Laporan Audit Negara" disampaikan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Jabatan Audit Negara, diikuti dengan kertas kerja bertajuk "Peranan Ahli Majlis Dalam Menentukan Sistem Penyampaian Yang Berintegriti". Sesi yang ketiga dan terakhir membawa perbincangan "Peranan Ahli Majlis PBT Dalam Memerangi Rasuah" yang disampaikan oleh Tuan Simi bin Abdul Ghani, Pengarah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negeri Johor. Perbincangan meja bulat diadakan di akhir sesi.

Leadership Forum for Political and Societal Integrity, Kota Bharu Parliament, Grassroots Level.

The forum, organised with the cooperation of the Kelantan Secretariat and Integrity Unit, was held in Kota Bharu, Kelantan on 13 August 2009, attended by 118 participants from the political leadership of the PAS Division and Branch level. Datuk Husam Musa, Chairman of the Kelantan Economic, Finance and Welfare Committee representing the Kelantan Menteri Besar officiated the forum. Panelists from UIAM and SPRM presented issues such as "The Malaysian Political Culture Needs Change" and "Corruption in Politics: What is the Extent of the Problem?". The programme was followed by a question and answer session between the panelists and participants.

Forum on Strengthening Integrity for Members of Local Authorities from Muar, Segamat, Tangkak and Labis.

Held at the Gunung Ledang Resort, Tangkak, Johor on 25 July 2009, the forum was attended by 82 members of the Muar, Segamat, Tangkak and Labis Local Authorities. It was officiated by a welcoming speech by the Director of YWJ/Assistant Chief Administrator of the Institute of Integrity, Leadership and Training Johor (KLAS) The first topic, "The Role of the Council Members in Helping to Maintain the Integrity of Public Service Delivery from the Perspective of the National Audit Report" was presented by the Deputy Auditor-General (State), National Audit Department, followed by a working paper entitled "Role of the Council Member in Determining a Delivery System with Integrity". The third and final session, presented by Tuan Simi bin Abdul Ghani, Director, Johor Corruption Prevention Commission discussed "The Role of Local Authority Council Members in Fighting Corruption". A roundtable discussion ended the session.

Forum Pengukuhan Integriti untuk Ahli-ahli Majlis Berkuala Tempatan Pontian, Mersing dan Kota Tinggi

Bertempat di Hotel M-Suites, Johor Bahru pada 18 Julai 2009, forum ini dihadiri 63 orang peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuala Tempatan bagi Daerah Pontian, Mersing dan Kota Tinggi. Program sehari itu dimulakan dengan tajuk "Peranan Ahli Majlis Dalam Membantu Mengekalkan Sistem Penyampaian Yang Berintegriti Dari Perspektif Laporan Audit Negara" yang disampaikan oleh Dato' Haji Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Jabatan Audit Negara. Pada sesi kedua, ADUN Kawasan Tanjung Puteri, Johor Bahru telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Peranan Ahli Majlis Dalam Menentukan Sistem Penyampaian Yang Berintegriti". Forum diakhiri dengan topik "Peranan Ahli Majlis PBT Dalam Memerangi Rasuah" dibawa oleh Ketua Unit Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negeri Johor. Setelah selesai semua pembentangan perbincangan meja bulat diadakan diikuti rumusan ahli panel yang terlibat. Ucapan bagi perasmian penutup ini telah disampaikan oleh Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerjaraya dan Kemudahan Awam Negeri Johor.

Forum on Strengthening Integrity for Members of Local Authorities from Pontian, Mersing and Kota Tinggi.

Held at the Hotel M-Suites, Johor Bahru on the 18 July 2009, the forum was attended by 63 participants made up of members of Local Authorities from Pontian, Mersing and Kota Tinggi. The one day programme kicked off with the following topic on "The Role of the Council Members in Helping Sustain the Public Delivery System with Integrity from the Perspective of the National Audit Report" delivered by Dato' Haji Anwari bin Suri, Deputy Auditor-General (State), National Audit Department. In the second session, the Tanjung Puteri State Assemblyman presented a working paper on "The Role of Council Members in Ensuring a Delivery System with Integrity". The forum ended with a talk on the role of council members in fighting corruption by the Public Education Unit Head, Johor Corruption Prevention Commission. At the end of all the presentations a roundtable session with participants was held, followed by summaries by the panelists. The Chairman for the Johor Housing, Local Government, Works and Public Utilities Committee gave the closing speech, marking the end of the forum.



LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES



Kursus Pengukuhan Integriti Pemimpin Muda Malaysia 2009 Anjuran IIM, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM dan Majlis Belia Malaysia (MBM)

Ini merupakan program pertama IIM yang memfokuskan kepada pengukuhan integriti kepimpinan golongan mahasiswa. Program ini dijalankan selama tiga hari dua malam pada 10 hingga 12 Julai 2009 disertai 57 peserta. Ia dijalankan secara santai tetapi mempunyai unsur-unsur integriti yang didedahkan kepada peserta. Sesi Dialog Integriti telah diadakan dengan tajuk “Apa Yang Dimaksudkan Dengan Integriti Dan Mengapa Integriti itu Penting Dalam Masyarakat Kita?” Ahli panel yang terlibat ialah Norizan Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif INMINDS dan Pengarah Sektor Swasta IIM. Sesi seterusnya pula bertajuk “Cabaran Mahasiswa Dalam Abad Mendatang (gejala sosial dan jenayah)” melibatkan Dr. Haris Abd. Wahab, Pensyarah Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya dan Kamal Affandi Hashim, dari Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. Manakala sesi dialog yang terakhir bertajuk “Bagaimana Memperkasakan Golongan Mahasiswa Dalam Aspek Kepimpinan Politik, Pendidikan dan Governans”. Pelan tindakan mahasiswa disediakan oleh peserta bagi pelaksanaan di peringkat kelab, persatuan atau masyarakat.

Youth Leaders Integrity Strengthening Programme 2009: Jointly Organised by IIM, Leadership and Management Faculty, (USIM) and Malaysian Youth Council MBM).

This was the first programme organised by IIM which focused on strengthening the Integrity of Student Leaders. The three day two night programme held from the 10- 12 July 2009 with a total of 57 participants, was conducted in a relaxed manner but contained elements of integrity for the participants. An Integrity Dialogue session discussing “The Meaning of Integrity and its Importance in Our Society” was featured, with panelists such as Norizan Sharif, the Chief Executive Officer of INMINDS, and the IIM Private Sector. The following session, featured Dr. Haris Abd. Wahab, from the Department of Social Administration and Justice, Universiti Malaya and Kamal Affandi Hashim from the Malaysian Crime Prevention Foundation, who touched on the challenges (social ills and crime) faced by university students in the future. The last topic covered, “How to Strengthen University Graduates in Political Leadership, Education and Governance” with an action plan for participants.



Program Pengukuhan Integriti Belia Peringkat DUN Chembong, Rembau, Negeri Sembilan

IIM dengan kerjasama UMNO Cawangan Kampung Durian Daun dan Persatuan Belia Gerbang Seri telah menganjurkan buat pertama kalinya Program Pengukuhan Integriti Belia, Peringkat DUN Chembong, Rembau, Negeri Sembilan di Balai Raya Kampung Durian Daun dari 20 hingga 21 Jun 2009. Program ini telah dihadiri 52 orang belia sekitar DUN Chembong. Ia bermula dengan sesi bersama Naib Presiden, Majlis Belia Malaysia (MBM) serta Setiausaha Agung PKPIM dalam perbincangan "Cabaran Membina Belia Berintegriti". Pada sesi petang, tajuk bagaimana "Memperkasakan Integriti Gerakan Belia Melalui Program Kemasyarakatan", dibincangkan bersama ahli panel Dr. Sapora Sipon Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Encik Jufitri Joha, Setiausaha Agung, Majlis Belia Negeri Sembilan. Pada sebelah malamnya, tazkirah tentang kepentingan integriti diadakan di masjid Kampung Durian Daun, yang melibatkan para peserta program, kariah masjid dan hampir 30 orang pelajar daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Rembau. Bagi menyemarakkan semula amalan gotong-royong dalam kalangan belia, program kebersihan bersama penduduk diadakan. Majlis penutup diikuti dengan upacara penyampaian sijil kepada peserta-peserta yang terlibat.

Youth Integrity Strengthening Programme, DUN Chembong, Rembau, Negeri Sembilan

IIM, with the cooperation of the Kampung Durian Daun UMNO Branch and the Gerbang Seri Youth Association, organised the Youth Integrity Strengthening Programme, DUN Chembong, Rembau, Negeri Sembilan for the first time. Held at the Kampung Durian Daun Multipurpose Hall from 20 - 21 June 2009, this programme was attended by 52 youth from DUN Chembong. It kicked off with a session with the Vice President, Malaysia Youth Council (MBM) and the PKPIM Secretary General in a discussion about "The Challenges of Developing Youth with Integrity". In the afternoon session, the topic on "Strengthening the Integrity of the Youth Movement through Social Programmes" was discussed with panelists Dr. Sapora Sipon Senior Lecturer, Management and Leadership Faculty, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and Encik Juffri Joha, Secretary General, Negeri Sembilan Youth Council. In the evening a talk on the importance of integrity was held at the Kampung Durian Daun Mosque, involving programme participants, mosque members and almost 30 students from the National Youth Skills Institute (IKBN) Rembau. In order to reinstate the spirit of "gotong-royong" in youth, a clean and healthy living programme with the residents was held. The closing ceremony was followed by presentation of certificates.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES



Dialog Integriti Kepimpinan Pemimpin Muda Malaysia 2009: Belia dan Politik

IIM dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menganjurkan buat kali kedua Kursus Pengukuhkan Integriti Pemimpin Muda Malaysia, yang diadakan selama sehari di IIM. Program yang berlangsung pada 23 Mei 2009 ini dihadiri seramai 64 orang peserta dari berbagai kaum mewakili persatuan dan kelab belia gabungan MBM seluruh Malaysia. Cabaran untuk memperkuuhkan integriti kepimpinan belia menjadi agenda penting selama kursus ini berlangsung. Peserta diberikan peluang untuk bertukar idea dan membahaskan perkara-perkara yang ditimbulkan dalam setiap sesi dialog dan forum yang diadakan. Pada sesi paginya, semua peserta berpeluang berdiskusi dan bertukar pendapat dengan Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, Presiden IIM dan Dato' Shamsul Anuar Nasarah, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM). Golongan belia adalah pewaris kepimpinan negara, dan kursus ini memberi gambaran tentang usaha memperkasakan golongan belia dalam aspek kepimpinan politik, pendidikan dan governans. Di sebelah petangnya, ahli panel berbincang dengan peserta tentang harapan dan peranan golongan belia dalam politik negara. Forum ini turut menyediakan landasan bagi golongan belia menyuarakan pendapat mereka.

Leadership Integrity Dialogue for Young Malaysian Leaders 2009: Youth and Politics

IIM, together with the Malaysian Youth Council (MYC) organised the second Integrity Strengthening Course for Young Malaysian Leaders, at IIM. The day long programme held on 23 May 2009, saw 64 participants from various races representing associations and MYC affiliate youth clubs from all over the Malaysia. The challenges to strengthening the leadership integrity of youth was the central agenda throughout the course. Participants are given opportunity to participate in exchange of ideas and debate on the arising issues in each dialogue session and forum conducted. In the morning session, all the participants had the chance to discuss and exchange ideas with Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, President of the IIM and Dato' Shamsul Anuar Nasarah, president of the MYC. The youth are the heirs to the mantle of the nation's leadership, and this course provided an insight into the efforts to strengthen our youth in the aspects of political leadership, education and governance. In the afternoon session, the panelists discussed with the participants about the hopes and roles of youth in national politics. The forum also provided a platform for the youth to air their views.

Forum Pengukuhan Integriti Untuk Ahli-ahli Majlis Perbandaran Kangar, Pemimpin Politik Tempatan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

Program setengah hari ini telah dianjurkan di Dewan Residensi, Kangar, Perlis pada 28 April 2009. Seramai 76 orang peserta terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perbandaran Kangar, JKKK dan pemimpin politik tempatan menyertai forum ini. Program bermula dengan sesi pembentangan oleh Tuan Haji Mustafar bin Haji Ali, Timbalan Presiden IIM yang menyentuh tentang “Agenda Integriti Nasional: Penilaian dan Hala Tuju Negara”. Seterusnya, 3 orang ahli panel iaitu Prof. Madya Dr. Azahari bin Ismail, Pensyarah, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Goh Ban Lee (PBT), Mantan Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Dr. Sivamurugan Pandian (Politik) Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah dan Penyelidikan) Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM membincangkan topik “Pemimpin Berintegriti: Asas Kemajuan dan Pembangunan Bangsa dan Negara”.

Penerbitan

- i) Penterjemahan buku “Integriti Politik Di Malaysia” ke Bahasa Inggeris.
- ii) Penerbitan dan percetakan Buku Kecil “Road To Political Integrity” dan “Jalan Menuju Integriti Politik”.

Forum on Strengthening Integrity for Kangar Municipal Council Members, Local Political Leaders and Village Safety and Development Committee.

The half day programme was organised at the Residency Hall, Kangar, Perlis on 28 April, 2009. A total of 76 participants from the Kangar Municipal Council, JKKK and local political leaders attended this forum. The programme started with a presentation session by Tuan Haji Mustafar bin Haji Ali, IIM Vice President, who touched on “National Integrity Agenda: An Evaluation and the Nation’s Direction”. The 3 other panelists, Associate Prof. Dr. Azahari bin Ismail, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, Dr. Goh Ban Lee (PBT), Former Penang Municipal Councillor, and Dr. Sivamurugan Pandian (Politik), Deputy Dean (Graduate and Research Studies) Social Science Studies Centre, USM discussed the issue of “Leaders with Integrity: The Foundation of the Development and Progress of the People and Nation”.

Publication

- i) *Translation of the book entitled “Political Integrity in Malaysia into English.*
- ii) *The Publishing and Printing of the “Road to Political Integrity” and “Jalan Menuju Integrity Politik”.*

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

UNIT KORPORAT DAN PENYELARASAN CORPORATE AND COORDINATION UNIT

Unit Korporat dan Penyelarasan memberi tumpuan kepada penyebaran maklumat melalui media, komunikasi korporat, pengurusan acara, kunjungan hormat dari dalam dan luar negara serta penerbitan.

Promosi melalui Media Massa

Promosi melalui media massa diteruskan pada tahun 2009. Aktiviti-aktiviti penting yang dilaksanakan adalah pengendalian wawancara dan program bual bicara di stesen televisyen dan radio bagi mengutarakan pelbagai isu berkaitan integriti. Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan IIM, serta tokoh-tokoh jemputan IIM telah mengambil bahagian dalam bicara eksklusif dengan media cetak dan juga media elektronik. Antara rancangan televisyen yang terbabit termasuk Rancangan Selamat Pagi Malaysia, BERNAMA TV (*Program "Hello Malaysia"*), Analisis Awani, Awani Global, Agenda Awani dan Perspektif Kita. Selain itu, temu bual dan wawancara bersama pegawai IIM telah disiarkan dalam segmen Buletin Utama dan Berita di RTM, TV3, BERNAMA TV serta NTV7. Media cetak khususnya The New Sunday Times telah mengadakan beberapa siri wawancara bersama personaliti dan perbincangan mengenai isu integriti.

Antara program dan aktiviti media yang dirancang dan telah dijalankan adalah seperti berikut:

Rancangan Setulus Rasa (Bicara Integriti) di Radio 24, BERNAMA

Ia merupakan program bual bicara yang menyentuh pelbagai isu berkaitan integriti melalui temu ramah bersama tokoh-tokoh jemputan IIM setiap hari Sabtu selama 45 minit (dari 3.15 hingga 4.00 petang). Program ini telah berakhir pada bulan Disember 2009.

The Corporate and Coordination Unit focused on the dissemination of information through the media, corporate communications, programme management, local and overseas courtesy calls and publications.

Promotion through the Mass Media

Promotion through the mass media continued throughout 2009. The important activities carried out included conducting interviews and talk shows on television and radio stations to air a variety of issues regarding integrity. Members of the board of directors and the IIM management and important figures invited by IIM took part in exclusive talks with the print and electronic media. Amongst the television programmes involved were "Rancangan Selamat Pagi Malaysia", BERNAMA TV ("Hello Malaysia" programme), Analisis Awani, Awani Global, Agenda Awani and Perspektif Kita. Additionally, interviews with the IIM management were aired in segments on Buletin Utama and Berita on RTM, TV3, BERNAMA TV and NTV7. The print media, specifically The New Straits Times published a series of interviews with personalities and discussions on integrity issues.

Among the programmes and media activities planned and conducted included the following:

Setulus Rasa Programme (Bicara Integriti) on Radio 24, BERNAMA

The talkshow programme touched on various issues related to integrity through interviews with prominent personalities invited by IIM every Saturday for 45 minutes (from 3.15 until 4.00 pm) The programme ended its run at the end of December 2009.



Siri Pariwara dan Sisipan Media

Beberapa siri Pariwara dan Sisipan Media telah dihasilkan melalui media cetak:

- i) The Star : *National Integrity Plan: The First Five Years Report* pada 17 Mac 2009
- ii) Sisipan Media dalam New Straits Times dan Berita Harian bagi mempromosikan gerakan membudayakan integriti dan pelaksanaan PIN (dua halaman tengah/warna penuh) diterbitkan pada 3 Jun 2009, 16 Ogos 2009 dan 5 November 2009.
- iii) Sisipan Media juga telah terbitkan dalam akhbar Sin Chew Daily dan Malaysia Nanban sempena Bulan Integriti dan Konvensyen Integriti Belia pada 22 November 2009.
- iv) Pariwara dalam The Edge mengenai program Pan-Commonwealth Workshop on “Leveraging Corporate Governance and Ethics Strategies in Strengthening Institutional Integrity System Against Corruption” pada 27 Julai 2009, 3 Ogos 2009 dan 17 Ogos 2009.

Penerbitan/Bahan Bercetak

Unit Korporat dan Penyelarasian telah menerbitkan risalah mengenai peranan IIM dan maklumat PIN versi Bahasa Inggeris untuk mempromosikan IIM.

Unit ini juga telah menerbitkan Laporan Tekad 2008 sempena “Persidangan Agenda Integriti Nasional : Penilaian dan Halatuju”.

Advertisorial Series and Media Inserts

A series of Advertisorials and Media Inserts were produced through the print media:

- i) *The Star: National Integrity Plan The First Five Years Report on 17 March 2009*
- ii) *Media Inserts in The New Straits Times and Berita Harian to promote the movement to enculturate integrity and the implementation of the PIN (two pages – centrespread/full colour) published on 3 June 2009, 16 August 2009 and 5 November 2009.*
- iii) *Media Inserts were also published in the Sin Chew Daily and Malaysia Nanban in conjunction with Integrity Month and the Youth Integrity Convention on the 22 November 2009.*
- iv) *Advertisorial in The Edge on the Pan-Commonwealth Workshop on “Leveraging Corporate Governance and Ethics Strategies in Strengthening Institutional Integrity System Against Corruption” held on 27 July 2009, 3 August 2009 dan 17 August 2009.*

Publications/Printed Material

The Corporate and Coordination Unit published pamphlets on the role of IIM and information on the PIN in English to promote IIM.

This unit also published the Target 2008 Report for the “Persidangan Agenda Integriti Nasional : Penilaian dan Halatuju”.



Lawatan dan Kunjungan Hormat

Sepanjang tahun 2009, Unit Korporat dan Penyelarasan menyelaraskan kunjungan pelawat-pelawat dari dalam dan luar negara. Antara negara-negara yang telah membuat lawatan dan kunjungan hormat ke IIM adalah Brunei, Bangladesh, Iraq serta wakil-wakil dari Sekretariat Komanwel. Selain daripada itu unit ini juga telah menyelaraskan lawatan daripada agensi-agensi kerajaan, NGO dan Institut Pengajian Tinggi dalam negara.

Persidangan Agenda Integriti Nasional: Penilaian dan Halatuju

IIM telah membentangkan laporan lima tahun pertama pelaksanaan Pelan Integriti Nasional kepada umum. Perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Haji Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak di Persidangan Agenda Integriti Nasional dan Tekad 2008 : Penilaian dan Hala Tuju di IIM pada 17 Mac 2009.

Pembentangan Laporan Tekad 2008 adalah untuk memberi kefahaman yang lebih baik kepada masyarakat Malaysia mengenai sejauh manakah pencapaian masyarakat Malaysia dalam gerakan pemantapan integriti.

Tekad 2008 yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2004, menetapkan lima sasaran utama perlu dicapai merangkumi pengurangan gejala rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa secara berkesan, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi, meningkatkan tadbir urus korporat serta etika perniagaan, memantapkan institusi kekeluargaan dan meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat. Laporan Tekad 2008 ini juga menggariskan cadangan-cadangan penambahbaikan bagi fasa seterusnya.

Visits and Courtesy Calls

Throughout 2009, the Corporate and Coordination Unit coordinated courtesy calls from local and overseas visitors. Among the countries which paid visits and courtesy calls to the IIM were Brunei, Bangladesh, Iraq and representatives from the Commonwealth Secretariat. The unit also managed visits from government agencies, NGOs and Institutions of Higher Learning within the country.

National Integrity Agenda Conference: Evaluation and Direction

The IIM presented a report on the initial five years of the National Integrity Plan to the Deputy Prime Minister, Y.A.B. Dato' Sri Haji Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak at the "Persidangan Pelan Integriti Nasional dan Tekad 2008 : Penilaian dan Hala Tuju" held at IIM on 17 Mac 2009.

The TEKAD 2008 Report was launched to provide Malaysians with a better understanding on how far the nation has progressed in the enhancement of integrity as a way of life.

The first phase of the National Integrity Plan (2004 – 2008) involved five priority targets: to effectively reduce corruption, malpractices and abuse of power; increase the efficiency of the public service delivery system and overcome bureaucratic red tape; enhance corporate governance and business ethics; strengthen the family institutions and the community; and improve the quality of life and the people's well-being. The Laporan Tekad 2008 also outlined suggestions for improvement in the next phase.



Bengkel Pan-Komanwel Di Malaysia Bagi Menyokong Tadbir Urus Korporat Yang Baik

Seramai 30 pegawai kanan dari negara Komanwel berkumpul dan menjana minda dalam bengkel yang dianjurkan IIM dengan kerjasama Commonwealth Fund for Technical Cooperation (CFTC). Bengkel Pan Komanwel tersebut yang bertajuk “Leveraging Corporate Governance and Ethics Strategies in Strengthening the Institutional Integrity System Against Corruption” telah diadakan selama lima hari bermula 3 hingga 7 Ogos lalu di Hotel Concorde Kuala Lumpur dan IIM. Bengkel tersebut anjuran bersama Commonwealth Fund for Technical Cooperation (CFTC) dan Institut Integriti Malaysia. Tujuan bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada semua peserta mengenai pembaharuan dalam agenda tadbir urus korporat dan perundangan korporat di Malaysia.

Bengkel tersebut juga bermatlamat untuk mewujudkan kefahaman mengenai jenayah korporat dan rasuah sebagai gejala kegagalan urus tadbir serta memperkenalkan mekanisma “whistle blowing”. Dua orang pakar yang berpangkalan di Komanwel London, HK Yong (Penasihat Perkongsian Awam-Swasta dan Urus Tadbir Korporat Sekretariat Komanwel) dan Dr. Roger Koranteng (Penasihat Urus Tadbir Sekretariat Komanwel) telah berkongsi maklumat mengenai pembenterasan rasuah, jenayah korporat dan cabaran pemantapan integriti dalam sektor korporat. Tokoh-tokoh korporat Malaysia turut serta di bengkel tersebut dan membentangkan kertas kerja masing-masing.

Pan-Commonwealth Workshop In Malaysia To Advocate Good Corporate Governance

Thirty senior officials from Commonwealth nations gathered in Malaysia to brainstorm at the workshop organised by the IIM with the cooperation of the Commonwealth Fund for Technical Cooperation (CFTC). The Pan-Commonwealth Workshop entitled “Leveraging Corporate Governance and Ethics Strategies in Strengthening the Institutional Integrity System against Corruption,” was held from the 3 to 7 August 2009 at the Concorde Hotel, Kuala Lumpur and the IIM. The workshop was jointly funded by the Commonwealth Fund for Technical Cooperation (CFTC) and the IIM. The workshop was organised with the aim of exposing participants to Malaysia’s experience in corporate governance and corporate law reform programmes.

The workshop also aimed to create an understanding of economic crime and corruption cases as symptoms of governance failures and introduce the whistle blowing mechanism. Two London Commonwealth representatives, HK Yong (Commonwealth Secretariat Adviser on Public-Private Partnership and Corporate Governance) and Dr. Roger Koranteng (Commonwealth Secretariat Adviser on Governance) shared their experience in curbing corruption, corporate fraud and upholding integrity with the participants. Malaysia’s prominent corporate players presented papers at the workshop.

LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

Lawatan dan Kunjungan Hormat / Visits and Courtesy Calls

Bil No	Tarikh Date	Program Programme	Jumlah Peserta No of Participants
1.	6 Januari 2009	Lawatan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi Kerajaan Iraq bersama Knowledge of Science Association (KNSA) <i>Visit by Senior Officers of Iraqi Cabinet and Government Agencies with the Knowledge of Science Association (KNSA)</i>	20
2.	12 Februari 2009	Lawatan dari Maktab Polis Di Raja Malaysia Sempena Kursus Penyeliaan Detektif Siri 1/2009 <i>Visit by the Royal Malaysian Police College in Conjunction the Detective Supervisory Course 1/2009 Series</i>	30
3.	26 Februari 2009	Lawatan dari Pelajar Fakulti Quran dan Sunah, USIM <i>Visit by USIM Quran and Sunah Faculty Students</i>	35
4.	19 Mac 2009	Lawatan Yayasan Pusat Belia Antarabangsa <i>Visit by International Youth Centre Foundation</i>	46
5.	19 Mac 2009	Lawatan dari Pelajar Program Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah, UITM Shah Alam	6
6.	14 April 2009	Lawatan dari Pelajar UITM Perak <i>Visit by UiTM Perak Students</i>	48
7.	20 April 2009	Lawatan dan Kunjungan Hormat dari Bahagian Kabinet Bangladesh <i>Visit and Courtesy Call from the Bangladesh Cabinet Division</i>	6
8.	27 Mei 2009	Lawatan dari IMPUMA, Universiti Malaya <i>Visit from IMPUMA, Universiti Malaya</i>	12



Lawatan dan Kunjungan Hormat / Visits and Courtesy Calls

Bil No	Tarikh Date	Program Programme	Jumlah Peserta No of Participants
9.	19 Jun 20	Lawatan dari kakitangan Majlis Daerah Kuala Selangor <i>Visit from staff of Kuala Selangor District Council</i>	6
10.	22 Jun 2009	Lawatan dari Jabatan Sains Sosial, Pengajian Islam, Pusat Kemanusiaan dan Komunikasi, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia <i>Visit from Social Science, Islamic Studies Department, Communications and Centre, Tun Hussein Onn University, Malaysia</i>	11
11.	27 Ogos 2009	Lawatan dari Pegawai Pengurusan Awam Bangladesh dan Universiti Terbuka, Malaysia <i>Visit from Bangladesh Public Management Officers and Open University, Malaysia</i>	25
12.	15 September 2009	Lawatan dari Biro Mencegah Rasuah, Brunei Darussalam <i>Visit from Corruption Prevention Agency, Brunei Darussalam</i>	3
13.	29 September 2009	Lawatan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak <i>Visit by Accounting Degree Undergraduates, UiTM Perak</i>	114
14.	13 November 2009	Lawatan Siswa Pasca-Sarjana Diploma Polisi Awam & Governans dari IMPUMA <i>Visit by Diploma in Public Policy & Governance Postgraduate Students from IMPUMA</i>	13



LAPORAN AKTIVITI

REPORT ON ACTIVITIES

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES DIVISION

Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM

Pada tahun 2009, Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM telah diadakan sebanyak lima kali. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.Bhg Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan. Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM telah diadakan pada bulan Februari, April, Jun, Ogos dan Oktober 2009. Manakala Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 15 Mei 2009.

Mesyuarat Pengurusan IIM

Mesyuarat Pengurusan IIM pula diadakan setiap minggu pada hari Rabu dan dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh selaku Presiden IIM. Mesyuarat pengurusan ini sangat penting bagi memastikan semua perancangan dan aktiviti IIM dapat dijalankan dengan teratur. Pada tahun 2009 sebanyak 42 mesyuarat pengurusan telah diadakan.

IIM Board Of Directors Meeting

In 2009, the IIM Board of Directors meetings took place a total of 5 times. The Meetings were chaired by Y.Bhg Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan, the Chairman of IIM. The IIM Board Meetings were held in January, April, June, August and October. The Annual General Meeting (AGM) was held on 15 May 2009.

IIM Management Meeting

The IIM Management Meeting is held every week on a Wednesday and is chaired by Y. Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, the President of IIM. These Management meetings are important to ensure that all IIM planning and activities are conducted in an orderly manner. In 2009, a total of 42 management meetings were held.

PUSAT SUMBER BESTARI

BESTARI RESOURCE CENTER

Pengenalan

Pusat Sumber Bestari (PSB) ditubuhkan pada bulan September 2004 untuk mengendalikan perkhidmatan perpustakaan dan pembangunan pangkalan data dan sumber maklumat dalam bidang integriti dan pembentukan nilai-nilai murni selaras dengan fungsi IIM membudayakan integriti dalam masyarakat Malaysia.

Misi

- Berusaha untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan rujukan maklumat mengenai:
 - integriti individu,
 - integriti syarikat,
 - pembentukan nilai-nilai murni,
 - tadbir urus syarikat,
 - etika perniagaan,
 - tanggungjawab sosial,
 - tadbir urus baik,
 - anti rasuah.
- Menyediakan perkhidmatan perpustakaan sebagai khidmat sokongan kepada program penyelidikan, pendidikan dan latihan yang dilakukan oleh semua sektor di IIM
- Menjadi pusat repositori bagi menyimpan, mengurus dan menyebarkan maklumat integriti secara atas talian

Objektif

- Menyediakan perkhidmatan dokumentasi yang sistematis, dan sistem pengurusan maklumat berkomputer
- Menyediakan kemudahan penyelidikan dan bahan rujukan dalam bentuk ‘hardcopy’ dan e-dokumen
- Menyebarluaskan maklumat integriti secara global dan efektif

Introduction

The Bestari Resource Centre (PSB) was set up in September 2004 running the library services and developing the database and information resources on integrity and the creation of good values, in tandem with IIM's function to enculturate integrity in Malaysian society.

Mission

- *Striving to become a centre of excellence in reference for information on:*
 - individual integrity
 - company integrity
 - formation of good values
 - corporate governance
 - business ethics,
 - corporate social responsibility
 - good governance
 - anti corruption
- *Providing library services as support services for research, educational and training programmes conducted by all the IIM sectors*
- *Functioning as a repository for keeping, managing and spreading information on integrity online*

Objective

- *Providing a systematic documentation service, and a computerised information management system*
- *Providing research and reference facilities in the form of hardcopy and e-documents*
- *Spreading information on integrity globally in an effective manner*

PUSAT SUMBER BESTARI

BESTARI RESOURCE CENTER

Perkhidmatan

Secara khusus, perkhidmatan PSB disediakan untuk kegunaan kakitangan dan penyelidik IIM. Namun demikian, perkhidmatan rujukan dipanjangkan kepada orang awam, kakitangan Kementerian dan Agensi Kerajaan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan, misi diplomatik asing, sektor swasta, para wartawan, institusi penyelidikan tempatan dan luar negeri, pelajar pusat pengajian tinggi dan pelajar sekolah.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan Rujukan
- Carian Maklumat Atas Talian
- Perkhidmatan Pinjaman
- Perkhidmatan Pinjaman Antara
- Perpustakaan (SPP)
- Perkhidmatan Fotokopi
- Perkhidmatan Kesedaran Semasa
- Bibliografi dan Senarai Rujukan

Perolehan

PSB menggunakan *Library of Congress Classification* dan *Library of Congress Subject Headings* untuk pengkatalogan dan pengkelasan bahan-bahannya koleksinya.

Kandungan:

Dokumen IIM, buku, bahan bacaan bersiri, jurnal dan bulletin, laporan tahunan, laporan penyelidikan, kertaskerja, direktori, statistik, CD-ROMs dan bahan e-dokumen yang berkenaan.

Subjek:

Integriti, Etika dan Adab, Etika Perniagaan, Tadbir Urus Syarikat, Tadbir Urus Awam, Tanggungjawab Sosial, Nilai-Nilai Murni, Rasuah dan Anti Rasuah

Bahasa:

Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Services

The services of the Bestari Resource Centre are specifically prepared for the staff and researchers of the IIM. However, the reference services are also available to the public, Ministries and government agencies staff, non-governmental organisations, foreign diplomatic missions, the private sector, journalists, local and foreign research institutions, students at institutions of higher learning and schools.

Some of the services provided are as follows:

- Reference Services
- Interactive Computing Information Searches
- Borrowing Facilities
- Interlibrary Borrowing Facilities
- Photocopy Services
- Current Awareness Service
- Bibliography and Reference Lists

Procurement

The PSB uses the Library of Congress Classification and Library of Congress Subject Headings for cataloguing and classification of its collections.

Contents:

IIM documents, books, periodicals, journals and bulletins, annual reports, research reports, working papers, directories, statistics, CD-ROMs, and relevant e-documents.

Subject:

Integrity, Ethics and Courtesy, Business Ethics, Corporate Governance, Public Governance, Corporate Social Responsibility, Good Values, Corruption and Anti-Corruption.

Language:

Bahasa Melayu and English

PUSAT SUMBER BESTARI

BESTARI RESOURCE CENTER

Menambah baik Sistem Pengurusan Perpustakaan

Pada bulan November 2008, Sistem Pengurusan Perpustakaan V-Lib Pro telah dipasang dan segala pengurusan maklumat telah dipindahkan ke Pangkalan Data baru ini kecuali sistem perolehan. Sistem ini mematuhi sistem pengurusan maklumat MARC yang standard dan diguna pakai di seluruh perpustakaan di dunia.

Antara penambahbaikan yang diperolehi dari sistem baru ini ialah:

1. Sistem penyimpanan untuk bahan berkala, album foto, audio visual dan digital content.
2. Penyebaran maklumat. Sebuah portal pusat sumber telah dibina didalam sistem OPAC untuk memudahkan mengetahui:
 - Perolehan baru,
 - Sipnosis bahan bacaan terpilih,
 - Artikel suratkhabar/jurnal/monograf, dan
 - Kandungan baru jurnal/buletin yang baru diterima.
3. Profail pengguna juga telah dibina dan pembaca berdaftar boleh menentukan minat subjek mereka dan setiap perolehan baru akan dimaklumkan melalui e-mel.
4. Pencarian maklumat. Selain dari subjek, pengarang, penerbit atau tajuk buku, pengguna juga boleh membuat pencarian melalui *Broad Subject Headings*.ia dibangunkan untuk memudahkan pembaca membuat pencarian maklumat tajuk perkara yang lebih luas.
5. Statistik. Laporan statistik untuk perolehan bahan, sirkulasi bahan dan pengguna, pinjaman dan pinjaman antara perpustakaan serta jenis dokumen boleh diperolehi secara bulanan atau tahunan.

Upgrading the Library Management System

In November 2008, the V-Lib Pro Library Management System was installed and all information management was moved to the new data base except for the procurement system. This system complies with the standard MARC information management system used in libraries worldwide.

Among the improvements gained from this new system are:

1. *Storage system for periodicals, photo albums, audio visuals and digital content.*
2. *Dissemination of Information. A resource center portal was built in the OPAC system to enable ease of access to:*
 - *New procurement,*
 - *Synopses of selected reading material,*
 - *Newspaper articles/journals/monographs, and*
 - *Contents of newly arrived journals/bulletins.*
3. *Consumer profiles were also created and registered readers can determine their favourite subject, and be informed of each new procurement via e-mail.*
4. *Information Search. Other than subject, writer, publisher or book title, users can also make searches through Broad Subject Headings. It was developed to provide ease for readers in searching for more information by title and subject matter.*
5. *Statistics. Statistics on material procurement, material circulation, users, borrowings and interlibrary loans, and types of documents can be obtained on a monthly or yearly basis.*

Koleksi / Collection	Tahun / Years	
	2008	2009
Buku(Monograf) / Book (Monograph)	4,906	5,886
Risalah / <i>Pamphlets</i>	140	199
Fiksyen Adab dan Tauladan Fiction on Courtesy and Good Example	125	125
Pengkalan Data Atas Talian <i>Interactive Database</i>	4	4
Kajian (Tesis) / Studies / Thesis	1	1
Koleksi Khas - IIM / <i>Special Collections - IIM</i>	65	80
E-dokumen / E-documents Koleksi IIM / <i>IIM collections</i> Keratan Akhbar / <i>Newspaper Clipping</i> Artikel dari Jurnal dan Buku <i>Article from Journals and Books</i>	-	-
JUMLAH / TOTAL	5,241	6,295

KEMUDAHAN DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

FACILITIES AT THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY

Selain daripada menjalankan pelbagai aktiviti dan program berkaitan integriti, IIM juga menawarkan beberapa kemudahan untuk sewaan oleh agensi luar. Antaranya auditorium, bilik-bilik kuliah dan seminar serta asrama untuk penginapan yang cukup selesa.

Para penyewa juga boleh menikmati pelbagai kemudahan yang tersedia di sini antaranya gelanggang tenis, meja ping-pong, sebuah mini gimnasium, perpustakaan, surau dan kafeteria. Suasana kehijauan disekeliling kawasan IIM mampu memberi ketenangan dan kedamaian kepada penghuninya. Malah tempat letak kereta yang luas dan selamat turut tersedia.



ARAS 2 : AUDITORIUM INTEGRITI
Teater : 550 pax Seminar: 240 pax
Bankuet: 400 pax



ARAS 2 : BILIK ETIKA
Teater : 150 pax Seminar: 60 pax
Bankuet: 110 pax



ARAS 14 : BILIK SEMINAR 1 & 2
Teater : 60 pax Seminar: 25 pax
Bankuet: 50 pax

Besides running various activities and programmes on integrity, the IIM also offers other facilities namely the auditorium, lecture and seminar rooms as well as the hostels to be rented by other agencies.

Those who are renting will also enjoy a variety of facilities such as the tennis court, table tennis, a mini gymnasium, library, prayer room and cafeteria. The green surrounding of the IIM will also provide peace and tranquillity to those who stay. A wide and safe car park area is also provided.



ARAS BAWAH : DEWAN MURNI
Teater : 250 pax Seminar: 110 pax
Bankuet: 200 pax



ARAS 2 : BILIK BIJAKSANA
Teater : 90 pax Seminar: 40 pax
Bankuet: 80 pax



ARAS 2 : BILIK AMANAH

Teater : 20 pax Seminar : 12 pax
Bankuet: 30 pax



ARAS 6 : BILIK JUJUR

Teater : 70 pax Seminar : 30 pax
Bankuet: 60 pax



ARAS 6 : BILIK BINCANG A & B

Bilik perbincangan dan mesyuarat
15 pax



ARAS 10, 11, 12 & 13 : HOSTEL/ BILIK ASRAMA

40 bilik (2 katil sebilik)
Berhawa dingin
Dengan televisyen, telefon & mini bar

KEMUDAHAN - KEMUDAHAN LAIN / OTHERS FACILITIES



Pusat Sumber Bestari
Bestari Resource Center



Ping Pong
Ping Pong



Surau
Prayer Room



Gimnasium
Gymnasium



Gelanggang Tenis
Tennis Courts



Pondok Rehat
Gazebo



Kafeteria
Cafeteria

Isi Kandungan

Muka surat

Maklumat Korporat	88
Laporan Pengarah	89
Penyata Lembaga Pengarah	92
Pengisytiharan Berkanun	93
Laporan Juruaudit	94
Penyata Pendapatan	96
Lembaran Imbangan	97
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	98
Penyata Aliran Tunai	99
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	100

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009



Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009

No. Syarikat : 644452-P

(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)

(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah

: Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy bin Hugo @ Hamid Hugo
Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar
Profesor Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim
Dr. Chandra Muzaffar
Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady
Tan Sri Abdul Gani bin Patail
Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang
Dato' Haji Abu Kassim bin Mohamed
Datuk Normah binti Md Yusof
Datuk Dr. Md Tap bin Salleh

Setiausaha

: Azmiah binti Abdul Razak

Alamat Berdaftar dan Alamat Perniagaan

: Menara Integriti
Persiaran Duta
Off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur

Juruaudit

: Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF: 1300)
2, Jalan Rampai Niaga 2
Rampai Business Park
53300 Kuala Lumpur

Bank Utama

: Bank Islam Malaysia Berhad

LAPORAN PENGARAH

Lembaga Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Institut yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Institut adalah meningkatkan usaha dalam mempromosi integriti, moral dan etika di kalangan rakyat Malaysia selaras dengan harapan, inspirasi dan objektif Pelan Integriti Nasional.

Tiada perubahan ketara berlaku dalam aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM

Lebihan dana bagi tahun kewangan

353,641

DIVIDEN

Tiada sebarang dividen dicadang, diisyihar atau dibayar oleh Institut semenjak dari tahun kewangan yang lepas.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan semasa adalah dinyatakan dalam penyata kewangan.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
 Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Tommy bin Bugo @ Hamid Bugo
 Tan Sri Zarina Sameehah binti Anwar
 Profesor Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim
 Dr. Chandra Muzaffar
 Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady
 Tan Sri Abdul Gani bin Patail
 Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang
 Dato' Haji Abu Kassim bin Mohamed
 Dato' Sri Haji Ahmad Said bin Hamdan
 Datuk Normah binti Md Yusof
 Datuk Dr. Md Tap bin Salleh

(Dilantik pada 5/2/2010)
 (Meletak jawatan pada 5/2/2010)

Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009

No. Syarikat : 644452-P

(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)
(Diperbadankan di Malaysia)

KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut daftar yang perlu disimpan di bawah Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang sebarang saham di dalam Institut pada akhir tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Institut dengan perkara yang membolehkan Pengarah Institut memperoleh faedah dengan cara memiliki saham-saham atau debentur di dalam Institut atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada Pengarah yang menerima atau yang layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang diterima atau yang akan diterima oleh Pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap yang diterima oleh pekerja sepenuh masa Institut) berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Institut atau Syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma di mana Pengarah berkenaan merupakan ahli atau dengan sebuah syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang perlu dinyatakan menurut Seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan bagi Institut disediakan, Lembaga Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya: -

- (a) untuk memastikan tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat elaun bagi hutang rugu dan berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan elaun yang mencukupi telah dibuat elaun hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang dijangka tidak boleh menghasilkan nilai seperti yang tercatat di dalam rekod perakaunan Institut secara urus niaga biasa, telah pun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka dapat diperoleh.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:-

- (a) yang akan mengakibatkan jumlah yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau jumlah bagi elaun hutang rugu di dalam penyata kewangan atau Institut tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; atau
- (b) yang akan mengakibatkan nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Institut mengelirukan; dan
- (c) yang akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Institut mengelirukan atau tidak sesuai.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, di mana pada pendapat Lembaga Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Institut untuk memenuhi kewajipan bila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat :-

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Institut yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luarjangka bagi Institut yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Institut yang akan mengakibatkan sebarang amaun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat Lembaga Pengarah :-

- (a) keputusan operasi Institut pada tempoh kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang butir urusniaga atau kejadian yang luarbiasa; dan
- (b) tiada perkara, urusniaga atau hal yang penting dan luar biasa yang telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

JURUAUDIT

Juruaudit, **AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR** telah menyatakan kesanggupan untuk menerima pelantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah berdasarkan Resolusi Pengarah,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Pengarah

DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 01 April 2010

Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009

No. Syarikat : 644452-P

(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)
(Diperbadankan di Malaysia)


PENYATA LEMBAGA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965

Bahawa kami, **TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN** dan **DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH**, dua daripada Lembaga Pengarah **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang disertakan telah disediakan dengan sewajarnya mengikut piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan urusan Institut pada 31 Disember 2009 dan keputusan operasi dan aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah berdasarkan Resolusi Pengarah,



TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Pengarah



DATUK DR. MD TAP BIN SALLEH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 01 April 2010

PENGISYTIHARAN BERKANUN MENGIKUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965

Bahawa saya, **AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK**, pegawai yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan yang disertakan, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengisytiharan ini dengan kepercayaan sesungguhnya perkara ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Sumpah, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh
AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK
di Kuala Lumpur dalam Wilayah
Persekutuan pada **01 April 2010**

}
} }
} }
} }
Azmiah
AZMIAH BINTI ABDUL RAZAK

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur, Malaysia



No: 86 Tingkat Bawah
Jalan Putra
50350 KUALA LUMPUR

Laporan dan Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009

No. Syarikat : 644452-P

(Syarikat Berhad Berasaskan Jaminan)
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Institut Integriti Malaysia yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2009, serta penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi akhir tahun kewangan tersebut, juga ringkasan dasar perakaunan yang penting serta nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dikemukakan di muka surat 96 hingga 108.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah Institut bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan yang bebas dari salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan; memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan audit bagi memperoleh jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit tentang amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih adalah bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata penting penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan ataupun kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan Institut agar dapat merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Institut. Audit juga melibatkan penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan serta kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat audit kami.

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (SAMB.)

Pendapat

Pada pendapat kami penyata kewangan telah disediakan menurut piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 agar memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2009 dan berkenaan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi akhir tahun kewangan tersebut.

